

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI ISNIN : 8 JULAI 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 1

Y.B. TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional pelaksanaan "*Voluntary Disclosure Scheme*" dan jumlah pembayar cukai yang telah menyertai dalam skim ini serta jumlah cukai tambahan yang telah dikutip hasil dari skim ini .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rasional pelaksanaan “Special Voluntary Disclosure Program (SVDP)” atau Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang mula dilaksanakan pada 3 November 2018 merupakan salah satu usaha Kerajaan dalam melakukan pembaharuan percukaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan yang sepatutnya untuk meningkatkan kutipan cukai bagi pembangunan negara.

Program ini menyediakan platform untuk memberi peluang kepada pembayar cukai mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun pesisir pantai dengan pengenaan kadar penalti lebih rendah dari tempoh 3 November 2018 sehingga 30 September 2019 ke atas pelaporan pendapatan. Kadar penalti sedia ada ialah antara 45% hingga 300%. Sebaliknya, kadar penalti yang dikenakan di bawah PKPS adalah lebih rendah berbanding kadar penalti sedia ada seperti berikut:

Tempoh Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti
03 November 2018 - 30 Jun 2019	10%
01 Julai 2019 - 30 September 2019	15%

Setelah pengakuan sukarela diterima dan diproses oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), surat persetujuan *clearance* akan dikeluarkan oleh LHDNM dan tindakan audit / siasatan tidak akan dibuat pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.

Pengakuan sukarela merangkumi perkara berikut:

1. melaporkan pendapatan yang belum / kurang dilaporkan, perbelanjaan terlebih tuntutan / tidak dibenarkan dan pelepasan / potongan / rebat terlebih tuntutan;
2. melaporkan keuntungan pelupusan aset (harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah); dan

3. penyeteman surat cara yang belum disetem.

Semenjak PKPS ini diperkenalkan pada 3 November 2018 sehingga 23 Jun 2019, sebanyak 486,360 kes pengakuan sukarela telah diterima dan sedang diproses oleh LHDNM. Jumlah kutipan cukai akan diumumkan pada akhir tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan kajian yang dibuat oleh Kementerian berkenaan perlaksanaan semula pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan serta adakah ianya akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini **bersekali dengan pertanyaan No. 38 oleh Yang Berhormat Kuala Nerus** bertarikh **17 Julai 2019 (Rabu)** kerana **menyentuh perkara yang sama** iaitu pelaksanaan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan 3 siri bengkel Kajian Kebolehlaksanaan Pilihan raya Kerajaan Tempatan sepanjang tempoh 2018-2019.

2. Lanjutan daripada siri bengkel tersebut, Kerajaan perlu meminda perundangan yang berkaitan untuk membolehkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dilaksanakan. Antara perundangan yang terlibat ialah seperti berikut:

- (i) Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 (Pindaan 1991) diaktifkan semula dan dipinda;
- (ii) Pindaan Seksyen 10 dan Seksyen 15, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- (iii) Pindaan akta dan peraturan yang berkaitan di bawah bidang kuasa SPR; dan
- (iv) Mewujudkan peraturan-peraturan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

3. KPKT sedang dalam peringkat penyediaan Kertas Jemaah Menteri mengenai Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang akan diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan dasar. KPKT juga akan membuat persediaan yang lebih menyeluruh dan komprehensif bagi pelaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan setelah mendapat keputusan Jemaah Menteri Kelak.

4. Sehubungan itu, Pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak akan dilaksanakan dalam masa terdekat sehingga telah ada keputusan Jemaah Menteri mengenainya.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
KAWASAN : MERBOK
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sehingga bulan Mei 2019 berapakah jumlah peruntukan menyelenggara jalan-jalan Persekutuan yang telah dibelanjakan dan bagaimanakah pihak Kementerian mengenal pasti jalan-jalan yang perlu dibaiki dan perlaksanaan pembaikan dengan segera.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk menyelenggara Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2019, jumlah panjang jalan yang diselenggara adalah sebanyak **17,830.33 km**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan di seluruh Malaysia **sehingga bulan Mei 2019** adalah sebanyak **RM124.3 juta** iaitu kira-kira **34.33%** daripada peruntukan keseluruhan yang diluluskan sebanyak **RM362 juta**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memastikan jalan-jalan yang rosak dibaiki segera, Kementerian Kerja Raya telah melantik Syarikat konsesi melalui perjanjian penswastaan di bawah skop Kerja Penyelenggaraan Rutin perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin di jalan-jalan Persekutuan dengan kekerapan 2 kali seminggu. Ini adalah untuk memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selaras dengan dasar KKR iaitu dasar sifar lubang atau 'zero pothole' di Jalan Persekutuan di seluruh negara mulai bulan Februari 2016. Dasar ini menetapkan supaya lubang jalan perlu ditampal atau diambil tindakan oleh syarikat konsesi dalam tempoh kurang daripada 24 jam.

Penalti akan dikenakan terhadap syarikat konsesi sekiranya tindakan yang diambil melebihi dari tempoh tindakan yang ditetapkan. Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal atau kaedah pencegahan atau *preventive* bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan.

Selain itu, Kementerian Kerja Raya juga menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi tujuan kelulusan peruntukan.

Walau bagaimanapun pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan di Jalan Persekutuan terutamanya penyenggaraan turapan serta memastikan dari semasa ke semasa semua Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan langkah BNM menurunkan kadar dasar semalam (OPR) daripada 3.25% kepada 3.0% bagi merangsang aktiviti pelaburan dan perbelanjaan domestik dalam masa yang sama sebagai usaha menyokong ekonomi kerana peningkatan risiko global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) BNM pada 7 Mei 2019 telah memutuskan untuk mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus. Penurunan OPR ini bertujuan untuk memastikan ekonomi negara terus berada pada landasan pertumbuhan yang mapan dalam keadaan inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan yang kukuh dalam ekonomi.

2. Pelarasan ini telah diterjemahkan serta-merta kepada kadar pinjaman runcit yang lebih rendah bagi isi rumah dan perniagaan untuk pinjaman baharu berikutan semakan ke bawah terhadap kadar asas (*base rate, BR*) dan kadar pinjaman asas (*base lending rate, BLR*) oleh semua bank sebanyak 25 mata asas. Ini seterusnya telah melonjakkan jumlah kelulusan pinjaman. Pada April 2019, kelulusan pinjaman menurun 1 peratus berbanding Mac 2019 manakala pada Mei 2019, kelulusan pinjaman melonjak 13 peratus berbanding April 2019. Pada masa sama, jualan motosikal dan kereta penumpang turut meningkat 7.8 peratus dan 23.3 peratus.

3. Selain itu, bagi pinjaman runcit dengan kadar terapung yang sedia ada pula, BR dan BLR yang lebih rendah ini menyumbang kepada pembayaran balik yang lebih rendah. Daripada April ke Mei 2019, jumlah pembayaran pinjaman mencatatkan pertumbuhan bulanan -6.8 peratus, manakala sebelum itu daripada Mac ke April 2019 pertumbuhan bulanan adalah -0.4 peratus. Pengurangan jumlah bayaran balik ini memberi kesan positif kepada aktiviti pelaburan dan perbelanjaan swasta. Sektor isi rumah pula mendapat manfaat melalui penurunan komitmen pembayaran bulanan yang seterusnya meningkatkan pendapatan boleh guna. Manakala, sektor korporat pula menikmati pengurangan dalam kos menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan ekonomi negara terus kukuh dan berdaya tahan bagi merangsang aktiviti pelaburan dan perbelanjaan domestik. Langkah ini termasuk mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan; menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik; meningkatkan perdagangan dan produktiviti; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi; serta meningkatkan potensi ekonomi digital. Pada masa yang sama, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran kewangan kekal stabil dan teratur bagi memangkin pertumbuhan masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang diambil ke atas pemilik bangunan yang tidak mematuhi penyediaan keperluan infrastruktur bagi orang kurang upaya (OKU) yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan ke atas sebarang pemajuan yang tidak mematuhi penyediaan keperluan infrastruktur bagi Orang Kurang Upaya (OKU) yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini. Berdasarkan seksyen 70(13)(c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133), pemaju boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun dan boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT boleh mengarahkan *Principal Submitting Person* (PSP) untuk membuat penambahbaikan ke atas sesuatu pembangunan yang belum memperolehi *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) seperti menyediakan infrastruktur bagi golongan OKU. PSP yang gagal mematuhi arahan ini, boleh dikenakan penalti di bawah Subseksyen 70 (27), Akta Jalan, Akta 133 dengan nilai penalti tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Sekiranya PSP gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut, PBT boleh melaporkan perkara tersebut ke badan profesional yang berkaitan untuk diambil tindakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha-usaha merancakkan industri pelancongan di Besut melalui kaedah-kaedah baru yang digunakan untuk menarik pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia (TM) telahpun mengadakan perancangan dan pelaksanaan awal mengenai pelan promosi Kempen *Visit Malaysia 2020* (VM2020) sejak dari tahun 2018 bagi memastikan sasaran 30 juta orang pelancong dan RM100 billion jumlah pendapatan yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Kementerian telah mengenalpasti kluster Kampung Raja-Besut-Pulau Perhentian-Jerteh sebagai salah satu daripada 7 kluster destinasi ekopelancongan di Terengganu.

Kewujudan Pulau Perhentian sebagai tarikan pelancongan utama dan produk-produk pelancongan yang lain seperti Pantai Air Tawar, Pantai Bukit Keluang, Desa Ukiran Kayu Istana Tengku Long, Pusat Rekreasi Lata Tembakah, Pusat Rekreasi Lata Belatan, Hutan Simpan Gunung Tebu dan La Hotspring menjadikan kluster ini sebagai kawasan yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan secara bersepadu di Terengganu.

Pada 19 Mac 2019, MOTAC telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan Bil 1/2019 bersama dengan Exco Pelancongan Negeri-Negeri termasuk Negeri Terengganu bagi persiapan ke arah VM2020. Lanjutan dari mesyuarat tersebut, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil inisiatif bagi menganjurkan pelbagai pengisian program dan aktiviti kalendar pelancongan negara VM2020 termasuk di daerah Besut yang terkenal di serata dunia dengan keindahan pulau-pulau dan taman laut seperti Pulau Perhentian Besar dan Kecil. Antara aktiviti-aktiviti yang diyakini menarik minat pelancong adalah yang berasaskan sukan air dan marin.

NO. SOALAN : 6

Antara usaha terkini yang sedang dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pelancong asing ke Negeri Terengganu adalah:

1. Melalui SKS Airways iaitu sebuah syarikat penerbangan pesawat ringan yang berpangkalan di Senai Johor yang bakal memulakan penerbangan domestik dari Johor Bahru - Kuantan – Kuala Terengganu – Kota Bharu bermula 1 Oktober 2019 ini. Syarikat ini juga mendapat sokongan penuh dan usahasama dari TM dan juga kerajaan negeri Terengganu. TM akan bertindak sebagai agensi yang akan mempromosikan penerbangan ini ke destinasi tersebut melalui pelbagai pakej-pakej yang menarik; dan
2. Scoot Tigerair Pte.Ltd, syarikat tambang murah milik penuh Singapura Airlines Limited (SQ) yang telah memulakan penerbangan antarabangsa dari Singapura ke Kota Bharu pada 2 Julai 2019. Pesawat Scoot dengan kapasiti 180 tempat duduk bakal menawarkan penerbangan terus dengan kekerapan 3 kali seminggu. Ia bakal menjadi satu-satunya syarikat penerbangan antarabangsa yang akan beroperasi di LT Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan dan pengendali perkhidmatan penerbangan antarabangsa bagi laluan Singapura – Kota Bharu.

Pada 2 – 5 Julai 2019, Pejabat TM Singapura bersama Pejabat TM Wilayah Timur telah berkolaborasi dengan Scoot untuk mengadakan FAM Trip ke Kelantan & Terengganu dengan membawa 11 Travel Agent dari Singapura bagi melawat produk tarikan pelancongan di Kelantan (Kota Bharu) dan Utara Terengganu (Kuala Besut & Pulau Perhentian). Selain itu juga, pertemuan telah diadakan di antara agensi pelancongan Singapura bersama agensi pelancongan dari Kelantan dan Terengganu pada 4 Julai 2019.

Dengan adanya penerbangan domestik dan antarabangsa ini, jumlah kedatangan pelancong ke Terengganu dijangka meningkat terutamanya pelancong dari Singapura ke Negeri-negeri Pantai Timur amnya dan pulau-pulau peranginan di Terengganu terutama ke Perhentian dan Redang khususnya.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 7

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar dalam aspek pembangunan modal insan di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 (PHPLB) pada 29 Oktober 2018.

Pelan ini dirancang bagi tempoh **lima (5) tahun** yang menggariskan sebanyak **enam (6) Teras** iaitu **Prasarana, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Wanita dan Sistem Penyampaian**. Sebanyak **29 Strategi** dan **94 Program** yang telah dirancang dan dijangka akan memberi manfaat kepada seramai **7.89 juta penduduk luar bandar**.

Antara inisiatif yang dirancang dan sedang dilaksanakan bagi **pembangunan modal insan** adalah:-

- **Memperbanyak Pusat Jagaan Kanak-kanak dan Pra-Sekolah KEMAS** melalui pelaksanaan salah satu daripadanya adalah **TABIKA KEMAS TRANSIT** yang mana waktu operasinya dilanjutkan sehingga jam 5.00 petang untuk membantu ibu bapa

NO. SOALAN :7

yang bekerja. Sebanyak **50 buah kelas transit** disasarkan pada tahun ini yang dapat menempatkan seramai **700 kanak-kanak**;

- **Menyumbang keperluan tenaga kerja mahir** melalui **274 buah Institusi Pendidikan TVET@KPLB** yang dikawal selia oleh MARA, KEMAS, KEDA dan PERDA. Sehingga 30 April 2019, terdapat peningkatan kemasukan pelajar sebanyak **7.2% (3,519 orang)** kepada seramai **52,513 orang** jika dibandingkan pada tahun 2018 iaitu hanya seramai **48,994 orang**.
- **Menaik taraf pendidikan Pra-Sekolah KEMAS** dengan memperkenalkan modul pendidikan baharu iaitu **Pendidikan STREAM** (*Science, Technology, Religion, Engineering, Arts and Mathematics*); dan
- **Menyesuaikan kemahiran belia dengan perubahan teknologi dan ICT** melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh MARA dengan mengkaji semula modul pembelajaran dan pengajaran di GiatMARA agar sejajar dengan perubahan ke arah Revolusi Industri 4.0.

Sehubungan itu, KPLB amat yakin bahawa melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan modal insan ini, ianya akan dapat melahirkan lebih ramai masyarakat yang berilmu, mahir serta cemerlang dan seterusnya akan dapat menaik taraf kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat khususnya penduduk di luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN NO. 8

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan senarai sebab bangsa Melayu/Bumiputera kurang jadi usahawan dan mengapa masyarakat Cina ramai. Apa langkah untuk ramaikan orang Melayu jadi usahawan dan adakah pendidikan sekolah rendah, menengah dan universiti akan dirombak untuk ajar ilmu keusahawanan secara subjek yang tetap dan wajib lulus.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penglibatan bangsa Melayu/Bumiputera yang menjadi usahawan masih kurang adalah disebabkan faktor-faktor, di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) kurang latihan dan kemahiran keusahawanan serta minda keusahawanan dalam kalangan bangsa Melayu/Bumiputera;
- (ii) kurang dorongan dan minat untuk meneroka peluang baharu dalam bidang keusahawanan;
- (iii) sikap terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan untuk menjadi usahawan. Kejayaan usahawan sebenarnya

NO. SOALAN : 8

bergantung kepada daya usaha, kemahiran dan inisiatif mereka sendiri untuk merebut ruang dan peluang meskipun terdapat banyak bentuk sokongan daripada Kerajaan; dan

- (iv) masalah capaian kepada sumber kewangan yang berpunca dari jurang ekspektasi antara pihak pembiaya dan usahawan. Untuk memulakan perniagaan memerlukan modal permulaan, namun kesukaran dalam memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta menyediakan aset yang boleh diterima oleh pihak pembiaya sebagai cagaran atau kelemahan usahawan sendiri dalam pengurusan rekod kewangan perniagaan menyebabkan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan institusi kewangan tidak dapat dimanfaatkan oleh golongan ini.

2. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk melahirkan lebih ramai usahawan termasuk dari kalangan bangsa Melayu/Bumiputera adalah seperti berikut:

- (i) membudayakan keusahawanan dalam kalangan masyarakat melalui program-program *outreach*, program kesedaran keusahawanan serta program bimbingan dan latihan keusahawanan untuk menarik minat dan terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan;
- (ii) menerapkan nilai dan budaya keusahawanan dalam sistem pendidikan bermula dari peringkat awal sekolah rendah hingga pendidikan tinggi;
- (iii) mempromosikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;
- (iv) menyediakan khidmat nasihat dan akses kepada bantuan pembiayaan khususnya melalui agensi-agensi seperti TEKUN Nasional, SME Corp., SME Bank dan Bank Rakyat;
- (v) melaksanakan program-program bagi menggalakkan dan memperkukuhkan penglibatan usahawan dalam inisiatif

NO. SOALAN : 8

e-dagang (*e-commerce*) dan perniagaan atas talian (*online business*); dan

- (vi) menggalakkan program pembangunan dan pengukuhan koperasi bagi membuka lebih banyak peluang penglibatan dan penyertaan usahawan khususnya dalam kalangan masyarakat bangsa Melayu/Bumiputera.

Yang di-Pertua,

3. Dalam sistem pendidikan sedia ada telah diterapkan ilmu dan pendidikan berunsurkan keusahawanan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Buat masa ini, Kerajaan akan memperkukuhkan program-program keusahawanan tersebut bagi membina keupayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengukuhkan komitmen kewangan kepada usaha membasmi kanser serviks di negara kita melalui vaksin, teknologi baru seperti "point of care diagnostics" dan program saringan kanser serviks HPV DNA yang mesra wanita seperti "Program ROSE".

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Di Malaysia, kanser serviks merupakan kanser ketiga tertinggi (ASR 7.6 per 100,000) dalam kalangan wanita dan ketujuh tertinggi di kalangan keseluruhan penduduk Malaysia (*Malaysian National Cancer Registry Report 2007-2011*). Walau bagaimanapun, insidens ini telah meningkat kepada 10.5 per 100,000 (*Globocan, 2018*) berbanding dengan 6.5 per 100,000 dalam tahun 2011 (*Malaysian National Cancer Registry Report 2007-2011*).

Pada masa ini, pap smear adalah ujian saringan yang disediakan di semua fasiliti kerajaan dan bukan kerajaan bagi pengesanan awal kanser serviks. Namun begitu, kajian terkini menunjukkan bahawa jangkitan virus HPV berisiko tinggi adalah penyumbang kepada >95% penyebab kanser serviks. Bagi tujuan pengesanan awal yang juga merupakan langkah pencegahan sekunder, pelaksanaan saringan kanser serviks perlu diperluaskan kepada teknik ujian yang lebih efisien, malah yang lebih penting kaedah ujian yang memberi keselesaan dan autonomi kepada wanita. Wujudnya bukti yang kukuh untuk menyokong idea bahawa ujian saringan HPV mampu memberi impak yang positif dari sudut keupayaan untuk mengenalpasti virus penyebab penyakit kanser serviks bagi membolehkan intervensi selanjutnya dilakukan dalam mencegah kejadian kanser serviks

Justeru, pada tahun ini KKM telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi tujuan pelaksanaan fasa pertama ujian saringan kanser serviks menggunakan kaedah ujian HPV. Ujian ini akan dilaksanakan di WPKL & Putrajaya, Kedah dan Kelantan dan dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2019. KKM amat komited dalam usaha membanteras kanser serviks ini. Justeru, permohonan peruntukan telah dibuat untuk melaksanakan perkhidmatan ini secara berfasa sehinggalah ianya menjadi polisi saringan utama bagi kanser serviks di peringkat kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
KAWASAN : SIPITANG
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo bagi jajaran Sabah, dan apakah pengambil alihan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai pemantau projek tidak menjejaskan pelaksanaannya, dan sehingga kini apakah keseluruhan pakej projek tersebut sudah dianugerahkan kepada kontraktor.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No 38 dan 75 dari YB Papar yang dijadualkan pada hari ini juga kerana menyentuh isu yang sama iaitu hala tuju Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Perancangan untuk memulakan pembinaan bagi baki 23 pakej kerja yang belum dibuat pelantikan kontraktor adalah tertakluk kepada keputusan muktamad dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Mei 2019 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah sebanyak 16.90%.

Berdasarkan perancangan asal, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dijangka siap sepenuhnya pada 31 Disember 2021. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sedang meneliti semula jadual perancangan tersebut dengan mengambil kira kelewatan untuk menyelesaikan isu-isu setempat, terutama pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri Sabah. JKR Sabah dijangka akan membentangkan dalam masa terdekat berhubung jadual perancangan keseluruhan projek.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak PDP bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016 telah menetapkan bahawa PDP layak

dibayar sebanyak 5.5% daripada kos pembinaan sebagai Yuran PDP. Yuran PDP tersebut antara lain bertujuan supaya PDP menyiapkan projek dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dengan kos yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan. Kegagalan pihak PDP untuk mematuhi kedua-dua elemen *Key Performance Index* (KPI) tersebut akan menyebabkan penalti ke atas Yuran PDP tersebut.

Memandangkan Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah tanpa melibatkan PDP, Kerajaan tidak perlu lagi untuk membuat bayaran melibatkan Yuran PDP. Namun, pelaksanaan projek di bawah pemantauan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah tidak akan melibatkan pengukuran dua elemen KPI di atas.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 11

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan supaya penduduk di seluruh daerah Ranau mendapat bekalan elektrik sepenuhnya dari pihak Kerajaan kerana masih begitu banyak kampung-kampung tidak menikmati bekalan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Kementerian sedang dalam pelaksanaan satu projek berimpak tinggi di Parlimen Ranau iaitu Projek Talian Penghantaran 132Kv dari Kota Belud ke Ranau dengan kos keseluruhan bernilai RM 150 juta. Dijangkakan sebanyak 1,874 buah rumah bakal menerima manfaat daripada projek ini dengan mendapat sambungan bekalan elektrik 24 jam sehari dan seterusnya mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan Ranau apabila projek ini siap pada Julai 2020.

Pada masa ini sistem pembekalan elektrik di Kawasan Ranau telah tepu (*saturated*) dan pembinaan talian penghantaran ini merupakan langkah awal bagi memastikan kawasan ini mendapat bekalan elektrik sepenuhnya. Seterusnya pihak Kerajaan Negeri dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sedang merangka pelan pelaksanaan projek BELB di kawasan Ranau sama ada melibatkan pembinaan Pencawang Pembahagi Utama (PPU), talian 33kV dan 11kV untuk sampai ke kampung-kampung. Pelaksanaan ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh RMK-12.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa aduan dan saman terhadap kesalahan merokok di premis makanan telah dikeluarkan sejak penguatkuasaannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Semenjak pewartaan tempat larangan merokok yang telah diwartakan bermula Januari 2019, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan pendidikan dan akan berlanjutan sehingga Disember tahun ini. Aktiviti penguatkuasaan pendidikan yang telah dilanjutkan ini bertujuan untuk memberi pendidikan berterusan serta membantu golongan perokok mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di perkhidmatan berhenti merokok mQuit. Selama tempoh tersebut, mereka yang merokok di tempat makan akan diberikan amaran secara bertulis dan dirujuk ke perkhidmatan berhenti merokok mQuit serta Tuan Punya Permis diminta memastikan tanda larangan merokok yang jelas dipamerkan serta tiada kemudahan merokok disediakan.

Bermula Januari sehingga 2 Jun 2019 sebanyak 17,855 aduan diterima melalui panggilan telefon, Aplikasi WhatsApp dan Sistem

Pengurusan Aduan Awam (SisPAA). Manakala bagi aktiviti penguatkuasaan pendidikan sebanyak 29,650 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 26,357 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda larangan merokok dan 3,293 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan.

Pada 24 dan 25 Mei 2019 pihak KKM telah mengadakan satu operasi penguatkuasaan pendidikan khas sempena bulan Ramadan di seluruh Malaysia. Badan bukan kerajaan atau NGO iaitu IKRAM Health telah menyertai aktiviti ini di negeri Selangor dengan menjalankan saringan karbon monoksida di dalam pernafasan. Sepanjang dua hari aktiviti khas ini dijalankan seramai 636 perokok telah diberikan notis amaran dan telah didaftarkan ke laman sesawang jomquit.moh.gov.my untuk dirujuk seterusnya ke perkhidmatan berhenti merokok mQuit. Sebanyak 249 amaran diberikan kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda larangan merokok.

Yang di-Pertua,

Tiada kompaun dikeluarkan bagi tempoh penguatkuasaan Pendidikan di tempat makan. Namun demikian, penguatkuasaan penuh tetap dijalankan di Kawasan Larangan Merokok lain yang telah diwartakan. Pematuhan kepada larangan merokok ini didapati telah semakin meningkat. Rata-rata pemilik permis telah meletakkan tanda larangan dan bilangan perokok yang mematuhi larangan merokok telah semakin baik. Namun begitu tidak dinafikan masih ada segelintir mereka yg masih melanggar peraturan ini dan pihak KKM akan menggiatkan lagi aktiviti penguatkuasaan pendidikan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:

- a) apakah program-program yang dirancang untuk menambahbaik kemudahan prasarana pelancongan di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan khususnya di negeri Sabah; dan
- b) berapakah peruntukan yang disediakan untuk menambahbaik kemudahan prasarana pelancongan di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11), Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM48.5 juta bagi sembilan (9) projek pembangunan pelancongan di Negeri Sabah. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Burlington Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM12 juta);
2. Projek Pembinaan Sistem Saliran Air dan Pembinaan Loji/Kumbahan Najis, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Sabah (RM5.4 juta);
3. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kawasan Layang-layang, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM13.8 juta);
4. Projek Infrastruktur Edu-Tourism di Pusat Pemuliharaan Gajah Pygmy, Hilir Kinabatangan, Sabah (RM5.7 juta); Dalam pelaksanaan (90%);
5. Projek Membina Esplanade Bengkoka Pitas, Sabah (RM2.2 juta); Dalam pelaksanaan (97%)’
6. Pembangunan Ecotourism di Gomantong, Kinabatangan Sabah (RM5.6 juta);
7. Pembangunan Ecotourism di Bornean Sunbear Coservation Center di Sepilok, Sandakan, Sabah (RM0.7 juta);
8. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Relokasi Batu Sumpah Peringatan Mengikut Perlembagaan, Keningau, Sabah (Fasa1) (RM0.5 juta); dan
9. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Rezab Hidupan Liar Tabin Lahad Datu, Sabah (RM2.6 juta).

NO. SOALAN : 13

Disamping itu, Kerajaan juga telah mengagihkan sebanyak 50% daripada hasil cukai pelancongan 2018 sebanyak RM25.34 juta iaitu berjumlah RM12.67 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Secara umumnya bagi cadangan pembangunan projek pelancongan yang akan datang, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Agensi Negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KePKAS) dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di Negeri Sabah bagi memastikan produk pelancongan di Malaysia dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH SOALAN : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah pihak Kementerian telah merangka program keusahawanan khusus untuk membantu golongan usahawan baharu daripada kalangan B40.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan komited untuk melahirkan 50,000 usahawan setiap tahun dari pelbagai latar belakang merangkumi usahawan dari kalangan B40.

2. Beberapa program dirasionalisasi semula bagi memastikan impak pelaksanaan program mencapai golongan yang disasarkan. Program-program yang disediakan oleh MED melalui agensi-agensi berkaitan bagi para usahawan termasuk golongan usahawan B40 merangkumi enam (6) bidang utama iaitu:

- i. pembangunan modal insan;
- ii. akses kepada pembiayaan;
- iii. akses kepada pasaran
- iv. penerapan teknologi dan inovasi;
- v. infrastruktur serta persekitaran; dan
- vi. perundangan dan pengawalseliaan.

3. Antara program di bawah 6 bidang utama tersebut yang telah disediakan oleh agensi-agensi di bawah MED adalah:

i. Program *Micro Connector* oleh SME Corp.

Program ini disediakan bagi memberi bantuan di peringkat permulaan kepada usahawan mikro untuk memulakan dan menjalankan perniagaan dan melatih komuniti B40 untuk mendapatkan kemahiran baru bagi menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan. Program ini disasarkan kepada usahawan mikro, permulaan perniagaan dan komuniti di bawah B40;

ii. Skim Pembiayaan TEMAN TEKUN oleh TEKUN Nasional

Program ini menyediakan pembiayaan menggunakan konsep berkumpulan bagi menyediakan kemudahan pembiayaan dengan lebih mudah dengan pembiayaan minima sebanyak RM1,000 hingga maksima RM10,000 bagi pembiayaan pertama serta tempoh pembiayaan 6 bulan hingga 5 tahun;

iii. Skim Pembiayaan TEKUN Niaga oleh TEKUN Nasional

Program ini menyediakan pembiayaan minima RM10,000 hingga maksima RM100,000 dengan tempoh pembayaran balik maksima 10 tahun;

iv. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp.

Program ini disediakan bagi memperkasakan golongan belia Bumiputera termasuk dari kategori B40 yang berumur di antara 18 - 30 tahun yang mempunyai minat yang mendalam untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan untuk mengendalikan perniagaan sendiri;

v. Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH) oleh MaGIC

laitu program yang memperkenalkan peluang pembukaan perniagaan francais bagi golongan B40 dan masyarakat luar bandar yang bertujuan untuk mengembangkan perniagaan usahawan-usahawan kecil menerusi peluang keusahawanan francais;

vi. INSKEN *Business Coaching* (IBC), *Business Enhancement Programme* (BEP) dan *Biskaunselor Coaching Clinic* oleh INSKEN

Program-program ini telah dibangunkan untuk meningkatkan jualan dan menambahbaik operasi perniagaan peserta serta menghubungkan peserta dengan mentor-mentor dan pakar-pakar industri;

vii. PROTÉGÉ *Uni-Preneur* dan PROTÉGÉ *Reach Out* oleh PROTÉGÉ

Program-program ini dibangunkan dengan kerjasama pakar industri untuk menyediakan latihan keusahawanan dan kebolehpasaran dikalangan para belia termasuk golongan B40 dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan (*job creators*) yang kompetitif dan bersedia ke pasaran global; dan

viii. Program Pengurusan Kewangan oleh *Centre for Entrepreneur Development & Research Sdn. Bhd. (CEDAR)*

Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada usahawan untuk mempertingkatkan kemahiran dalam menguruskan hal-hal kewangan perniagaan seperti penyediaan akaun untung rugi yang merupakan antara dokumen penting bagi permohonan pembiayaan dari agensi pembiaya.

4. Antara inisiatif terbaru yang telah dirangka Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) bagi meningkatkan penglibatan usahawan B40 adalah dengan mewujudkan Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur) yang menyasarkan penglibatan golongan B40, belia, warga emas, ibu tunggal serta orang kelainan upaya (OKU) bagi mengalakkan pertumbuhan usahawan berasaskan tanaman fertigasi. Melalui program ini usahawan baru dijangka menjana pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan turut merangsang peningkatan pengeluaran produk tanaman secara komersil.

5. Selain daripada itu, usaha untuk mempromosi penubuhan koperasi bagi menggalakan pembangunan sosioekonomi golongan sasaran seperti B40 juga giat dijalankan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM). Dalam mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup rakyat, MED akan menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi membangunkan Program Pembangunan *Coop Community Mart* di kawasan perumahan rakyat di sekitar Lembah Klang. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 15

Y.B. TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan beberapa syarikat tempatan yang menyenaraikan saham-saham mereka di bursa negara lain dan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk menggalakkan syarikat-syarikat tersebut untuk menyenaraikan saham mereka di Bursa Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenaiaan saham syarikat-syarikat tempatan di bursa negara lain bukanlah sesuatu yang luar biasa. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan syarikat Malaysia memilih untuk disenaraikan di luar negara. Antaranya ialah syarikat tersebut mempunyai perniagaan di luar negara. Penyenaiaan saham di luar negara akan mengurangkan pendedahan terhadap risiko tukaran asing kesan daripada pergerakan keluar masuk dana berikutan operasi dan tanggungan mereka berada di luar Malaysia di samping meningkatkan penjenamaan, keyakinan pelanggan dan pembekal serta meluaskan jangkauan pasaran syarikat di negara mereka beroperasi. Sebagai contoh, syarikat yang merancang untuk memperluaskan operasinya ke China mungkin akan menyenaiaan syarikat mereka di Bursa Saham Hong Kong bagi meningkatkan visibiliti syarikat mereka di Hong Kong dan China.

2. Sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 68 buah syarikat Malaysia telah disenaraikan di bursa asing, termasuk syarikat-syarikat yang telah tersenarai seawal tahun 1948. Destinasi penyenaiaan saham syarikat Malaysia di luar negara ialah Singapura (24 syarikat), Australia (12 syarikat), Hong Kong (24 syarikat) dan United Kingdom (8 syarikat). Walau bagaimanapun, *trend* syarikat yang disenaraikan di luar negara telah berkurangan sejak 3 tahun kebelakangan ini dengan hanya 4 syarikat disenaraikan di pasaran luar negara bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2019, berbanding 6 syarikat pada tahun 2018 dan 11 syarikat pada tahun 2017.

Yang di-Pertua,

NO SOALAN : 15

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Bursa Malaysia telah meningkatkan usaha pemasaran yang berterusan dan telah berjaya mengukuhkan bilangan Tawaran Penyenaraian Awam (Initial Public Offering, IPO). Dari 1 Jan 2019 hingga 30 Jun 2019, Bursa Malaysia telah menduduki tempat pertama di kalangan bursa-bursa ASEAN bagi jumlah dana terkumpul menerusi IPO dan jumlah modal pasaran daripada ekuiti IPO iaitu sebanyak 14 penyenaraian baharu dengan jumlah dana terkumpul sebanyak USD329 juta dan jumlah modal pasaran ekuiti IPO sebanyak USD1.345 bilion. Prestasi ini adalah lebih baik berbanding Indonesia (17 IPO, dana terkumpul USD170 juta dan modal pasaran ekuiti IPO USD731 juta), Thailand (9 IPO, dana terkumpul USD127 juta dan modal pasaran ekuiti IPO USD515 juta) dan Singapura (6 IPO, dana terkumpul USD36 juta dan modal pasaran ekuiti IPO USD212 juta).

Negara	Jumlah IPO	Jumlah dana terkumpul	Jumlah modal Pasaran equiti IPO
Malaysia	14	USD 329 juta	USD 1,345 juta
Indonesia	17	USD 170 juta	USD 731 juta
Thailand	9	USD 127 juta	USD 515 juta
Singapura	6	USD 36 juta	USD 212 juta

4. Pada tahun 2018, Bursa Malaysia telah menyediakan khidmat runding penyenaraian kepada 140 syarikat dan telah menganjurkan serta mengambil bahagian dalam 20 seminar IPO di seluruh negara. Bursa Malaysia juga menjalinkan kerjasama yang berterusan dengan pelbagai organisasi bagi menggalakkan penyenaraian di Bursa Malaysia. Antaranya melalui kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan bagi mengenal pasti syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang berpotensi untuk disenaraikan, Program Pembangunan Vendor PETRONAS melalui khidmat rundingan dan nasihat bagi membimbing vendor ke arah penyenaraian awam serta bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi menarik syarikat berasaskan teknologi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Langkah-langkah ini akan menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk mempertimbangkan Bursa Malaysia sebagai pilihan pertama apabila mereka memutuskan untuk menyenaraikan perniagaan mereka. Bagi

tahun 2019, senarai penyenaiaan awam dilihat lebih kukuh.

5. Pelbagai langkah juga sedang dijalankan untuk meningkatkan daya tarikan Bursa Malaysia melalui program promosi dan pemasaran. Ini termasuklah memudahkan penyenaiaan syarikat dalam bidang ekonomi baharu serta mempertingkatkan kepelbagaian pelabur-pelabur termasuk daripada institusi asing dan pelabur domestik. Langkah ini diharap akan menjadikan Bursa Malaysia sebagai destinasi penyenaiaan dan pelaburan utama serta dapat menarik lebih banyak syarikat untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
KAWASAN : MACHANG
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan meneruskan pakej baharu Central Spine Road (CSR) laluan Kota Bharu – Gua Musang kerana projek ini bakal memberikan manfaat kepada hampir seluruh penduduk Kelantan dan membantu perkembangan sosio ekonomi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan dan Pahang ialah Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai dan *Central Spine Road*.

Projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.36km telah dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama iaitu:

- 1) Pakej 1: Wakaf Che Yeh ke Kadok (10.8km)
- 2) Pakej 2: Kadok ke Machang (28.95km)
- 3) Pakej 3: Machang ke Kuala Krai (21.61km)

Selaras dengan keperluan trafik semasa, projek ini telah diluluskan dengan empat (4) kontrak pembinaan iaitu:

- 1) Pakej 1B: Pasir Hor ke Kadok (7km) telah siap pada Julai 2018;
- 2) Pakej 2A: Kadok ke Ketereh (6.85km) telah dimulakan pada April 2015 dan dijangka siap pada Julai 2019;
- 3) Pakej 2B: Ketereh ke Kok Lanas (6.2km) telah dimulakan pada November 2017 dan dijadualkan siap pada November 2020; dan
- 4) Pakej 2C & 3A: Kok Lanas ke Bukit Tiu (19.1km) telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam *Rolling Plan* 4 Tahun 2019 dan dijangka akan ditender pada suku ketiga tahun 2019.

Seterusnya, Projek *Central Spine Road* (CSR) dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.3km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

- 1) Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km);
- 2) Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
- 3) Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
- 4) Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
- 5) Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
- 6) Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Projek CSR dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas. Sehingga kini, jajaran sepanjang 189.5km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 172km di Negeri Pahang (Pakej 3, 4 dan 5) dan 17.5km di Negeri Kelantan (Pakej 3). Pelaksanaan projek CSR di Negeri Kelantan yang telah diluluskan adalah melibatkan jajaran dari Bulatan Gua Musang ke Mentara seperti berikut:

- 1) Pakej 3, Seksyen 3B dan 3C: KM180.5 FT08 ke Gua Musang, sepanjang 7km yang kini dalam peringkat perolehan dan dijangka mula pembinaan pada suku ketiga tahun 2019.
- 2) Pakej 3, Seksyen 3D: Bulatan Gua Musang ke Merapoh sepanjang 10.5km yang kini dalam peringkat pembinaan dan dijadualkan siap pada Mac 2021.

Baki pakej yang masih belum dilaksanakan untuk Projek CSR di negeri Kelantan dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan* dan

Rancangan Malaysia yang seterusnya, tertakluk kepada kelulusan peruntukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian tentang penggunaan plastik mikrobar yang dijumpai dalam produk kosmetik dan produk penjagaan diri yang dijual di Malaysia. Adakah penggunaan mikrobeads akan dilarang sama seperti tindakan negara Taiwan, Kanada dan United Kingdom.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Mikroplastik atau juga dikenali sebagai *plastic microbeads* dalam produk kosmetik digunakan secara bilas (*rinse off*) bertujuan untuk membersihkan atau menyental (*exfoliate*). Contoh-contoh produk adalah seperti ubat gigi, gel mandian, syampu dan pencuci muka. Selain itu, mikroplastik juga digunakan di dalam industri-industri lain seperti tekstil, cat dan tayar kenderaan.

Penggunaan mikroplastik di dalam produk kosmetik tidak mendatangkan kesan mudarat terhadap kesihatan manusia. Walau bagaimanapun, penggunaannya dikhuatiri boleh menyumbang kepada pencemaran sumber air dan seterusnya akan memberi kesan terhadap keselamatan hidupan laut dan ekosistem yang terlibat. Ini kerana mikroplastik terdiri daripada bahan polimer sintetik yang tidak terurai secara semulajadi. Akan tetapi, data daripada *United Nations Environment Programme (UNEP)* pada tahun 2016 menunjukkan kadar pencemaran yang berpunca daripada penggunaan mikroplastik dalam produk kosmetik didapati sangat rendah iaitu 0.1 – 1.5% berbanding dengan penyumbang utama terhadap pencemaran alam sekitar dengan mikroplastik yang digunakan dalam produk lain seperti pembungkus plastik, penapis rokok, tayar atau fabrik sintetik. Negara seperti Taiwan, Kanada dan United Kingdom telah melarang penggunaan mikroplastik kerana risiko pencemaran kepada alam sekitar.

Walaupun impak terhadap pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh mikroplastik dalam kosmetik adalah kecil, Kementerian Kesihatan Malaysia akan turut memberi sokongan dan memainkan peranan dalam usaha-usaha pengurangan penggunaan plastik yang sedang dijalankan pada masa ini melalui inisiatif ke arah pelaksanaan kawalan penggunaan mikroplastik dalam produk kosmetik.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 18

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi membantu usahawan - usahawan desa terutama terhadap golongan anak muda dalam melonjakkan pendapatan mereka selain daripada program jualan atas talian (*Business Online*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program jualan atas talian (*business online*) yang dilaksanakan oleh KPLB melalui program Desamall@Online adalah merupakan salah satu program bantuan pemasaran kepada para usahawan luar bandar.

Selain daripada program tersebut, Kementerian ini juga melaksanakan program pemasaran dalam negara untuk para usahawan seperti perlaksanaan Karnival Usahawan Desa (KUD@KPLB). Melalui program KUD@KPLB, Kementerian telah menyediakan platform kepada usahawan untuk memasarkan produk mereka secara terus kepada orang ramai. Selain jualan secara terus, aktiviti *business matching* antara usahawan dengan pelbagai hypermarket bertaraf antarabangsa turut dilakukan untuk membolehkan produk yang berpotensi dapat dipasarkan di rangkaian hypermarket terpilih.

KPLB juga turut membantu usahawan untuk melaksanakan pemasaran produk mereka ke luar negara melalui program *Rural to Global* yang bukan sahaja membiayai sebahagian kos penyertaan ke ekspo antarabangsa tetapi juga membantu para usahawan untuk meningkatkan kapasiti produk serta pengeluaran mereka.

Melalui program pemasaran secara atas talian, pemasaran dalam negara dan juga luar negara, Kementerian yakin usahawan desa yang berpotensi dan sanggup bekerja keras akan dapat meningkatkan pendapatan mereka serta akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat di luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai hasrat untuk menjadikan kawasan Papan di Parlimen Batu Gajah sebagai destinasi pelancongan memandangkan terdapat tinggalan sejarah seperti Istana Billah, rumah kediaman Sybil Kathigasu, Taman Herba, bangunan-bangunan kolonial dan sebagainya. Bolehkah Kementerian menghulurkan peruntukan yang sewajarnya untuk membangunkan kawasan pelancongan yang berpotensi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Kementerian telah mengenalpasti kluster Ulu Geroh – Gua Tempurung – Gopeng – Batu Gajah sebagai salah satu daripada empat (4) kluster destinasi ekopelancongan di Perak. Kewujudan pelbagai tarikan pelancongan seperti *Kellie's Castle*, Taman Alam Kinta, Istana Raja Billah dan Taman Herba Negeri Perak, menjadikan Batu Gajah sebagai kawasan yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan secara bersepadu di Perak.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak

RM10.23 juta bagi melaksanakan 3 projek pembangunan di Batu Gajah iaitu:

1. Pembangunan Rumah Lat dan Galeri di Batu Gajah;
2. Peningkatan kemudahan pelancongan di *Kellie's Castle*; dan
3. Penyelenggaraan pagar keselamatan di *Kellie's Castle*.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa bekerjasama erat dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri atau UPEN Perak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di Batu Gajah, Perak.

Bagi tujuan tersebut, Ahli Yang Berhormat disyor untuk mengemukakan sebarang cadangan dan membuat permohonan melalui UPEN Perak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan kepada UPEN Perak seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permit import baharu bagi sisa plastik yang telah diluluskan selepas penetapan syarat baharu dan bilakah penyeragaman kawal selia kod tarif akan dapat dimuktamadkan bagi mengelakkan sisa plastik tidak boleh dikitar semula diimport ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Jun 2019, sebanyak 62 syarikat telah memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan telah lulus pemeriksaan premis di lapangan oleh pasukan pemeriksa Kementerian. Statistik syarikat pemegang Lesen Import (*approved permit-AP*) tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan Syarikat
1.	Selangor	22
2.	Pulau Pinang	18

3.	Johor	10
4.	Perak	4
5.	Kedah	3
6.	Negeri Sembilan	3
7.	Melaka	2
Jumlah		62

2. Daripada 62 syarikat tersebut, 59 syarikat merupakan pemegang AP sedia ada dan 3 syarikat merupakan pemegang AP baharu. Berdasarkan rekod Kementerian, kesemua syarikat tersebut dimiliki oleh warga tempatan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kemasukan kontena berisi skrap plastik yang kotor ke negara ini adalah berkemungkinan berpunca daripada kesalahan membuat pengisytiharan palsu dagangan (*false declaration*) di mana pengimport telah membawa masuk skrap plastik menggunakan HS Code dagangan selain 39.15 bagi mengelak daripada memohon AP. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2015 telah meletakkan sisa plastik dengan HS Code 39.15 dalam Bahagian I, Jadual Kedua di mana semua pengimportan sisa plastik ke Malaysia adalah dilarang kecuali mendapat AP daripada KPKT termasuklah pergerakan dagangan dari Zon Perindustrian Bebas (*Free Industrial Zone*).

4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi penyeragaman kawal selia kod tarif plastik selain HS Kod 39.15, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengimport yang melakukan kesalahan *false declaration* dagangan menurut peruntukan Akta Kastam 1967.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis tindakan yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada pengamal pergigian haram yang dikesan kian berleluasa sehingga dikhuatiri mengundang pelbagai risiko kesihatan kepada pelanggan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, 14 serbuan telah dijalankan ke atas pengamal pergigian haram dan sejumlah tiga (3) serbuan telah dilaksanakan pada tahun ini. Jumlah keseluruhan serbuan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 adalah sebanyak 59 serbuan dan daripada jumlah tersebut 47 kes telah didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Manakala sebanyak 12 kes lagi masih di peringkat semakan kertas siasatan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Seramai tujuh (7) orang pesalah telah dipenjarakan kerana gagal membayar denda, manakala 25 orang pesalah lagi telah membayar denda dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM760,200.00.

Yang di-Pertua,

Seorang pengamal pergigian hendaklah berdaftar di bawah Akta Pergigian 1971 dan mana-mana pengamal pergigian yang tidak berdaftar adalah dianggap pengamal pergigian haram. Sehingga kini, seramai 10,090 pengamal pergigian yang aktif yang berdaftar di bawah Akta ini. Semakan pengesahan pengamal boleh dibuat dengan melayari laman sesawang *Dental Practitioners' Management Information System*. Di bawah Akta Pergigian 2018 [Akta 804] yang telah diwartakan pada 26 Jun 2018 memperuntukkan pengawalseliaan amalan pergigian dan Akta ini akan dikuat kuasa sebaik sahaja Peraturan-Peraturan Pergigian yang masih di peringkat draf siap. Selepas penguatkuasaan Akta ini, seseorang yang tidak berdaftar yang menjalankan amalan pergigian boleh didakwa di bawah Akta Pergigian 2018 tersebut.

Manakala bagi klinik pergigian swasta pula, mereka diwajibkan mendaftar dengan Kementerian Kesihatan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan klinik pergigian yang tidak berdaftar adalah dianggap sebagai klinik pergigian haram.

KKM mengambil berat tentang perkhidmatan pergigian haram yang membahayakan kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, Kementerian menyeru agar sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai pengamal pergigian haram mahupun klinik pergigian haram supaya mengemukakan aduan kepada pihak KKM agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR.NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 22

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan menyatakan keistimewaan program *Harapan Entrepreneurship Realisation Strategy (HERS)* berbanding program-program keusahawanan yang lain, dan bagaimanakah program tersebut dapat memfokuskan pembangunan keusahawanan dalam kalangan wanita luar bandar seperti yang diharapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Harapan Entrepreneurship Realisation Strategy (HERS) adalah merupakan inisiatif kerajaan untuk memperkasakan usahawan wanita terutama di luar bandar.

Program ini adalah selaras dengan Teras 5 di dalam Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang merangkumi 3 strategi sebagaimana berikut :

- i. Mengoptimumkan kapasiti kadar guna tenaga wanita
- ii. Pelaksanaan program pembangunan mesra wanita
- iii. Penglibatan wanita dalam membuat keputusan di peringkat komuniti

Objektif program ini adalah untuk menyediakan program pembangunan keusahawanan wanita luar bandar melalui bimbingan secara menyeluruh dan menggalakkan keupayaan serta potensi usahawan ke tahap yang lebih baik melalui sesi *coaching* yang insentif di bawah konsep mentor mentee.

Modul program pembangunan keusahawanan ini akan menekankan kepada pengukuhan lima (5) elemen kompetensi keusahawanan sebagaimana berikut :

- a) Keutuhan sikap keusahawanan;
- b) Pengurusan kewangan dan akaun;
- c) Pengurusan Sumber Manusia;
- d) Perancangan Pelan Pemasaran; dan
- e) Peningkatan jualan dan pengukuhan daya saing

Program *HERS* ini akan disokong bersama inisiatif dana sebanyak RM20 juta sebagai kemudahan pembiayaan khusus kepada usahawan wanita luar bandar dengan kadar ansuran yang rendah. Penyaluran dana pembiayaan ini akan disalurkan melalui kaedah penilaian kredit pinjaman sebagaimana yang digariskan di bawah kemudahan pembiayaan kredit pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana di bank-bank komersial. Pemohon perlu memenuhi pra syarat asas pinjaman yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Pembiayaan Kredit yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : **8 JULAI 2019 [ISNIN]**

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pecahan 100,000 unit Rumah Mampu Milik yang dikenalpasti bakal dibina untuk golongan B40 mengikut negeri. Berapa buah rumah kategori ini yang telah ditetapkan akan dibina tahun ini dan di mana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) (2018-2028) adalah bertujuan bagi penyediaan rumah kepada rakyat terutamanya kepada golongan B40.
2. Bagi sasaran pelaksanaan 100,000 unit RMM pada tahun 2019, sebanyak **43,117 unit rumah telah dilaksanakan pembinaannya meliputi unit siap dan unit yang dijangka siap**. Status pelaksanaan 100,000 unit RMM pada tahun 2019 mengikut negeri sehingga 30 April 2019 adalah seperti berikut:

Negeri	Siap/Jangka Siap 2019 (Unit Rumah)
Johor	3,937
Kedah	3,504
Kelantan	2,369
Melaka	468
Negeri Sembilan	1,653
Pahang	1,710
Perak	1,893
Perlis	368
Pulau Pinang	1,964
Sabah	5,403
Sarawak	912
Selangor	2,124
Terengganu	444
WP. Kuala Lumpur	6,569
WP. Putrajaya	3,026
WP. Labuan	780
Jumlah	37,124
Jumlah sasaran siap 2019 bagi Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan RMR Plus (SPNB) di pelbagai Negeri	5,993
Jumlah Keseluruhan	43,117

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian berhasrat meluaskan program Kraf Komuniti Ku (KKK) ke seluruh negara dalam rangka meningkatkan jumlah usahawan yang terlibat dalam industri batik di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sedang giat melaksanakan projek Kraf Komuniti Ku (KKK) dan akan memperluaskan projek ini ke seluruh negeri di Malaysia. Projek KKK ini dilaksana bertujuan untuk membangunkan komuniti setempat terutama golongan B40 menjalankan perusahaan kraf yang berpotensi menjana pendapatan secara berterusan. KKK ini dilaksanakan menerusi inisiatif penyelidikan dan pembangunan produk, pembangunan komuniti, pasaran dan promosi dan komunikasi pasaran bersepadu.

Pada tahun 2019, seramai 679 orang usahawan (12%) daripada 5,625 orang usahawan adalah merupakan pengusaha batik yang bergiat aktif dan berdaftar dengan Kraftangan Malaysia. Bagi membantu meningkatkan bilangan usahawan kraf batik, Kraftangan Malaysia telah melaksanakan projek KKK Kota Bharu, Kelantan yang dilancarkan pada 02 Februari 2019 yang memfokuskan kepada penghasilan produk batik tempatan. Projek ini telah meningkatkan bilangan usahawan kraf batik sebanyak 2% iaitu seramai 273 orang usahawan berbanding 267 orang pada tahun 2018. Sehingga 31 Mei 2019, nilai jualan yang berjaya dijana adalah sebanyak RM17.6 juta dengan pencapaian sebanyak 57% berbanding RM31.1 juta sasaran yang ditetapkan.

Kraftangan Malaysia juga telah memperluas dan melaksanakan projek KKK yang lain di beberapa buah negeri yang melibatkan semua bidang kraf termasuk batik sepertimana berikut:

1. KKK Kuala Kangsar, Perak bagi produk kraf seramik dilaksanakan pada tahun 2016 dengan penglibatan seramai 109 orang usahawan kraf;
2. KKK Lawas, Sarawak bagi produk kraf parang dilaksanakan pada tahun 2017 dengan penglibatan seramai 39 orang usahawan kraf;

3. KKK Keningau, Sabah bagi bagi produk kraf anyaman rotan/buluh dilaksanakan pada tahun 2017 dengan penglibatan seramai 143 orang usahawan kraf;
4. KKK Pekan, Pahang bagi produk kraf Tenun Pahang Diraja dilaksanakan pada tahun 2017 dengan penglibatan seramai 12 orang usahawan kraf;
5. KKK Besut, Terengganu bagi produk kraf kayu dilaksanakan pada tahun 2018 dengan penglibatan seramai 41 orang usahawan kraf;
6. KKK Ulu Baram, Sarawak bagi produk kraf anyaman rotan dilaksanakan pada tahun 2018 dengan penglibatan 207 orang komuniti kraf;
7. KKK Lahad Datu, Sabah bagi produk kraf anyaman rotan dilaksanakan pada tahun 2018 dengan penglibatan seramai 60 komuniti kraf ; dan
8. KKK Kuala Terengganu, Terengganu bagi produk kraf tempatan dilaksanakan pada tahun 2019 dengan penglibatan seramai 162 komuniti kraf.

Kraftangan Malaysia juga sedang membangunkan komuniti kraf batik dan jahitan di Putrajaya yang melibatkan seramai 26 orang komuniti kraf dan daerah Hulu Langat yang melibatkan seramai 44 orang komuniti kraf. Pada tahun 2019, Kraftangan Malaysia turut merancang untuk melaksanakan beberapa projek KKK yang baru iaitu KKK Kota Belud, KKK Kudat dan KKK Semporna di Sabah serta KKK Muar Johor.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 25

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan setiap kampung di Sabah mendapat bekalan elektrik, air terawat dan perhubungan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sabah adalah bergantung kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah dan bergantung kepada kewangan semasa Negara. Kementerian sentiasa melibatkan Agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dalam semua perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan belanjawan. Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan projek lebih efisien.

Untuk pelaksanaan RMKe-11 dari tahun 2016 hingga 2019, Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM350.6 juta bagi pelaksanaan BALB, RM1.3 bilion bagi BELB dan RM1.4 bilion bagi JALB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI DR HAJI WAN JUNAIDI**
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]

TARIKH : **8 JULAI 2019**

SOALAN : **Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Malaysia telah selesai melaksanakan semua syarat-syarat pelaksanaan The United Nations Convention on the Laws of the Sea (UNCLOS) yang diratifikasikan pada 14 Oktober, 1996 dan dikatakan telah berkuatkuasa pada 14 November 1996, dan apakah prasyarat yang terkandung di dalam konvensyen tersebut yang sudah dan perlu lagi dipenuhi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Santubong atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia menandatangani *United Nations Convention on the Laws of the Sea* (UNCLOS) pada 12 Disember 1982, bersama-sama dengan 109 negara lain ketika konvensyen tersebut pertama kali dibuka untuk tandatangan, dan meratifikasi konvensyen tersebut pada 14 Oktober 1996. Konvensyen ini telah berkuatkuasa sejak 16 November 1994 dan sehingga kini, sebanyak 168 buah negara merupakan negara ahli UNCLOS 1982.

3. Konvensyen ini telah menerima pakai dua (2) lagi dokumen, iaitu, dengan izin, *Agreement relating to the Implementation of Part XI of UNCLOS 1982* dan *United Nations Agreement for the Implementation of the Provisions of UNCLOS 1982 relating to the Conservation and Management of Straddling Fish Stocks and Highly Migratory Fish Stocks*.

4. Sebagai negara ahli kepada UNCLOS 1982, Malaysia bertanggungjawab untuk melaksanakan peruntukan UNCLOS di dalam undang-undang domestik Malaysia. Sehubungan itu, Malaysia telah menggubal undang-undang seperti berikut:

- I. Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984;
- II. Akta Perikanan 1985;
- III. Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004;
- IV. Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006; dan
- V. Akta Laut Wilayah 2012.

5. Selain itu, Akta Perlombongan Petroleum 1966 (Pindaan 1972), Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, dan Akta Pelantar Benua 1966 yang telah digubal sebelum pelaksanaan UNCLOS 1982 juga sedang dikaji semula supaya selaras dengan peruntukan dalam UNCLOS 1982.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Majlis Keselamatan Negara sebagai agensi penyelarasan utama pelaksanaan UNCLOS 1982 bagi Malaysia telah menubuhkan 4 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Garis Pangkal, Jawatankuasa Pelantar Benua, Jawatankuasa Zon Ekonomi Eksklusif dan Jawatankuasa Undang-Undang Maritim bagi menyelaraskan undang-undang domestik dengan peruntukan dalam UNCLOS 1982.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Y.B. TUAN WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan bahawa adakah benar pencarum yang ingin membuat pengeluaran KWSP untuk membina rumah hendaklah mempunyai tapak rumah milik mereka sendiri dan status tanah mereka hendaklah bergeran. Jika ini benar, ia amat menyusahkan pencarum dari Sarawak untuk membuat pengeluaran membina rumah mereka sendiri kerana kebanyakan status tanah di Sarawak adalah status tanah adat dan tidak bergeran. Jika benar ini berlaku, adakah pihak Kementerian akan melonggarkan syarat pengeluaran KWSP untuk golongan ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Skim Pengeluaran Membina Rumah, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mensyaratkan ahli KWSP mengemukakan Geran atas nama ahli untuk memastikan ahli mempunyai pemilikan ke atas rumah yang dibina. Ini selaras dengan misi KWSP untuk melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan terbaik serta visi KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.
2. Walau bagaimanapun, bagi permohonan pembinaan rumah di atas Tanah Adat di Sabah dan Sarawak, KWSP telah melonggarkan syarat tersebut. Ahli hanya diminta untuk mengemukakan beberapa dokumen seperti Surat Perjanjian Bina Rumah yang mengandungi nama ahli dengan tempoh perjanjian tidak melebihi 3 tahun dari tarikh permohonan atau Surat Akuan Sumpah daripada ahli mengenai pembinaan rumah yang mengandungi butiran harta, jenis rumah, tarikh mula pembinaan dan kos pembinaan.
3. Selain itu, ahli juga dikehendaki mengemukakan surat Kebenaran Membina Rumah daripada Ketua Puak / Masyarakat yang diiktiraf dan disahkan oleh Pejabat Tanah (Land Survey Department) serta pengesahan bergambar ahli bersara bersama Ketua Puak / Masyarakat di hadapan Rumah Yang Dibina. Ahli juga dikehendaki mengemukakan bukti bayaran sekurang-kurangnya 20% daripada kos pembinaan seperti resit bayaran atau bil pembelian bahan binaan dan surat pengesahan bayaran daripada kontraktor (bukti bayaran di atas tidak melebihi tempoh 3 tahun daripada tarikh permohonan diterima).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH SOALAN : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 28

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sejauh manakah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sudah bersedia untuk menempuhi gelombang Revolusi Industri 4.0 dan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu mereka.

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kaji selidik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Suku Ketiga 2017 yang dilaksanakan oleh SME Corp. berkaitan status kesedaran dan kesediaan PKS ke arah IR 4.0, didapati sebanyak 31.8% daripada 1,469 responden sedar tentang IR 4.0. Manakala 69% daripada jumlah responden tersebut bersedia untuk menghadapi IR 4.0, terutamanya melibatkan perusahaan mikro dan PKS dalam sektor pembuatan. Sebanyak 66.4% daripada jumlah responden tersebut menjangkakan tahap produktiviti dan kecekapan akan meningkat dengan penerapan IR 4.0 dalam perniagaan mereka. Di samping itu, seramai 62.1% daripada responden tersebut juga menyatakan bahawa kekurangan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pekerja adalah cabaran terbesar bagi memastikan kejayaan pelaksanaan IR 4.0.

2. Salah satu komponen utama dalam gelombang IR 4.0 adalah berkaitan pendigitalan. Kajian Pendigitalan PKS Malaysia 2018 yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd. pada Disember 2018 mendedahkan bahawa teknologi pendigitalan dapat menghasilkan peningkatan yang ketara dalam produktiviti di kalangan PKS. Sebagai contoh, PKS yang menggunakan media sosial dan e-dagang telah menunjukkan peningkatan produktiviti antara 26% hingga 27%. PKS yang menggunakan penyelesaian pengurusan data seperti *Enterprise Resource Planning* (ERP), pengurusan rantai bekalan dan pengurusan perhubungan pelanggan melaporkan peningkatan sebanyak 60% dalam produktiviti.

3. Justeru, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) kini sedang giat membantu PKS untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta menggandakan pertumbuhan melalui pendigitalan termasuklah penggunaan e-dagang. Antara inisiatif Kerajaan termasuklah pelaksanaan aktiviti utama di bawah *National eCommerce Strategic Roadmap* (NESR) oleh SME Corp. dengan kerjasama agensi, persatuan dan rakan strategik e-dagang bagi meningkatkan kemahiran PKS melalui latihan dalam bidang e-dagang.

4. PKS yang terlibat dengan e-dagang turut dibantu dalam mempromosikan perusahaan mereka melalui projek *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) dengan kerjasama syarikat Alibaba, MDEC, MATRADE dan MITI. Sesi latihan digital yang komprehensif berkaitan platform e-dagang dan teknik perniagaan atas talian juga disediakan melalui kerjasama agensi dan penyedia platform e-dagang.

5. Selain dari itu, MaGIC telah merangka dan menjalankan program-program yang berteraskan hala tuju strategik MaGIC bagi tahun 2018-2020 iaitu “Membentuk Ekosistem Untuk Industri Masa Hadapan”. Justeru, MaGIC menawarkan program-program penyediaan minda (*mindset*) seperti *Design Thinking* dan *Service Design* dan juga program-program yang berteraskan teknologi berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0 seperti:

- i. *Intelligence Video Analytics with NVIDIA;*
- ii. *Artificial Intelligence Applications;*
- iii. *Fundamental of Internet of Things;* dan
- iv. *Blocklime’s Blockchain Hackathon*

6. Pada tahun ini, MaGIC mula menyediakan kemudahan dalam talian untuk meningkatkan capaian yang lebih meluas kepada pelanggan terutama kepada mereka yang mempunyai akses lokasi dan kewangan yang terhad kepada program anjuran MaGIC. Penambahbaikan bengkel fizikal turut dilaksanakan melalui *ecosystem-builders* yang dilatih untuk menyampaikan modul *Design Thinking* dan *Business Models Canvas* kepada komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang status keputusan Kementerian sama ada untuk memberikan insentif atau rebat kepada pembeli awal projek perumahan PR1MA seperti rebat yang diberikan kepada pembeli sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada permintaan daripada segelintir pemilik awal kediaman PR1MA untuk diberi insentif atau rebat seperti mana yang diberikan kepada pembeli terkini, pihak PR1MA sedang mengumpulkan pandangan dan cadangan daripada pembeli untuk pertimbangan lanjut Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Rebat ini sebenarnya adalah sebahagian daripada insentif yang diberikan sepanjang "*House Ownership Campaign*" (HOC) 2019 mulai 1 Mac hingga 30 Jun 2019. Sebarang keputusan akan dimaklumkan selepas tamatnya tempoh kempen ini.

2. HOC dianjurkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) dan KPKT dengan kerjasama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA). Inisiatif-inisiatif yang ditawarkan semasa HOC merupakan usaha untuk:

- a) Merancakkan lagi pasaran perumahan tempatan;
- b) Meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat; dan
- c) Menangani masalah hartanah yang tidak terjual.

3. KPKT, melalui PR1MA, sentiasa komited dalam memenuhi mandat untuk menyediakan lebih banyak kediaman berkualiti dengan harga berpatutan untuk rakyat Malaysia terutamanya bagi golongan M40.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pelan tindakan terbaru di peringkat OIC melalui Deklarasi Makkah yang dibentangkan dalam Sidang Kemuncak OIC bulan lalu bagi menyelesaikan konflik panjang di Palestin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Sesi Ke-14 Sidang Kemuncak OIC yang diadakan di Mekah, Arab Saudi baru-baru ini telah menerima pakai tiga (3) dokumen hasil yang merangkumi pelbagai isu politik, ekonomi dan sosio-budaya yang berkepentingan kepada negara-negara anggota OIC dan umat Islam.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya dua (2) dokumen yang diedarkan kepada negara-negara anggota OIC semasa Sidang Kemuncak tersebut berlangsung iaitu Kenyataan Akhir (*Final Communique*) dan Resolusi Khas mengenai isu Palestin. Negara-

negara anggota OIC hanya menerima dokumen Deklarasi Mekah (*Makkah Declaration*) melalui laman rasmi OIC beberapa hari selepas berakhirnya Sidang Kemuncak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Secara dasarnya, dokumen hasil Sesi Ke-14 Sidang Kemuncak OIC merupakan keputusan yang telah dipersetujui oleh kesemua negara anggota OIC secara sebulat suara (*'consensus'*) termasuk Malaysia. Pendirian Malaysia adalah selaras dengan pendirian OIC terutama sekali dalam isu-isu berkaitan dengan kepentingan Ummah sejagat seperti isu Palestin, situasi komuniti umat Muslim di negara-negara bukan Islam termasuk komuniti minoriti Islam di Selatan Filipina, Selatan Thailand dan etnik minoriti Rohingya di Myanmar, isu-isu keganasan dan fahaman pelampau keganasan (*Violent Extremism*) serta Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC (2016-2025).

5. Dalam isu Palestin, OIC telah menegaskan pendirian teguhnya serta sokongan yang penuh ke atas perjuangan rakyat Palestin untuk mendapatkan hak-hak mereka, termasuk hak untuk menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat dengan Al-Quds Al-Sharif sebagai ibu negara. Selain itu, OIC juga telah menolak keputusan Amerika Syarikat mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel dan memindahkan kedutaannya dari Tel Aviv ke Baitul Maqdis.

6. Bagi menzahirkan kesungguhan OIC dalam isu Palestin, satu (1) Resolusi Khas mengenai isu Palestin telah diterima pakai oleh Sidang Kemuncak tersebut yang turut menggariskan perkembangan terkini, pendirian negara-negara anggota OIC dalam isu ini serta tindakan yang harus diambil oleh OIC di peringkat antarabangsa dalam memelihara hak rakyat Palestin.

7. Semasa mesyuarat persediaan kepada Sesi Ke-14 Sidang Kemuncak OIC di peringkat menteri, YB Menteri Luar Negeri telah mengalu-alukan penyertaan Palestin ke Statut Rom pada tahun 2015. YB Menteri Luar Negeri turut memaklumkan usaha oleh Yayasan

MyAQSA, sebuah pertubuhan bukan kerajaan Malaysia, melalui satu pasukan yang dianggotai oleh para peguam dan pembela hak asasi kemanusiaan mengumpul dan menyusun bukti-bukti kekerasan Israel terhadap rakyat Palestin, dengan tujuan untuk mendakwa rejim Israel secara rasmi di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (*International Criminal Court – ICC*).

Tuan Yang di-Pertua,

8. Penyertaan Malaysia ke Sidang Kemuncak OIC baru-baru ini mencerminkan komitmen Malaysia sebagai sebuah negara anggota OIC yang komited dan sentiasa menyokong objektif-objektif pertubuhan tersebut terutamanya dalam mengetengahkan isu Palestin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam meneliti kaedah untuk mempercepatkan proses menunggu di hospital Kerajaan dan keberkesanannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited untuk menambah baik masa menunggu pesakit bagi mendapatkan rawatan di fasiliti KKM. Pada tahun 2018, 95.21% (2.23 juta daripada 2.34 juta) pesakit mempunyai masa menunggu tidak lebih daripada 90 minit untuk mendapatkan rawatan di Klinik Pakar di hospital Kerajaan. Bagi masa mendapatkan janji temu untuk mendapatkan rawatan di klinik pakar pula, 95.91% (3.76 juta daripada 3.92 juta) pesakit mempunyai tempoh masa menunggu 4 hingga 8 minggu.

KKM sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha mengurangkan masa menunggu di kalangan pesakit untuk mendapatkan rawatan dan seterusnya dapat mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan seperti berikut:

1. Mengaplikasikan *Lean Healthcare* yang melihat kepada keseluruhan proses kerja bagi mengurangkan aktiviti yang tiada nilai tambah demi meningkatkan efisiensi. Proses yang berulang dan menyebabkan ketidaklancaran pergerakan pesakit di klinik dikurangkan atau dihapuskan sama sekali bagi memastikan aliran pesakit tidak terganggu. Ini membantu memendekkan masa menunggu sekaligus mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan klinik-klinik pakar.

- Aktiviti penambahbaikan yang dilakukan menerusi inisiatif *Lean Healthcare* menyasarkan pengurangan waktu menunggu untuk berjumpa doktor, bermula dari kaunter pendaftaran sehinggalah masa menunggu katil untuk pesakit yang perlu dimasukkan ke wad dari Jabatan Kecemasan, di samping mengurangkan masa menunggu untuk pesakit di discaj dari wad. Antara contoh pelaksanaan adalah di Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah yang dapat mengurangkan masa menunggu pesakit dari 192 minit kepada 88 minit (secara purata) manakala di Wad Perubatan pula dapat mengurangkan masa menunggu pesakit untuk didiscaj dari 360 minit kepada 180 minit. Sehingga kini, terdapat 52 buah hospital yang telah melaksanakan inisiatif ini di Jabatan Kecemasan dan Wad Perubatan.
- Selain itu, 10 buah hospital juga telah melaksanakan inisiatif *Lean Healthcare* ini di Klinik Pakar Ortopedik dan Klinik Pakar Oftalmologi untuk mengurangkan masa menunggu pesakit berjumpa doktor, dengan pengurangan dari purata 78 minit kepada 57 minit di Klinik Pakar Ortopedik dan dari purata 119 minit kepada 110 minit di Klinik Pakar Oftalmologi.

2. Melaksanakan inisiatif Hospital Kluster bagi meningkatkan kerjasama di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar bagi membolehkan pesakit luar bandar menerima rawatan kepakaran tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar. Melalui pelaksanaan Hospital Kluster, hospital-hospital berpakar dan tanpa pakar mengikut lokasi geografi

yang berdekatan, digabungkan di bawah satu sistem bagi membolehkan perkongsian dan pengoptimuman sumber-sumber seperti sumber manusia, peralatan, fasiliti dan lain-lain dilaksanakan. Perkongsian dan pengoptimuman sumber-sumber ini dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pesakit setempat dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan di dalam setiap Kluster.

3. Melaksanakan sistem temujanji secara berperingkat (*staggered appointment system*). Melalui pelaksanaan sistem temujanji berperingkat ini, setiap pesakit akan diberikan temujanji mengikut masa yang ditetapkan. Ini akan dapat mengurangkan kesesakan pesakit terutamanya pada waktu puncak.

4. Menyediakan kemudahan *fast lane* kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas, OKU, kanak-kanak dan kes kecemasan.

5. Menambahbaik sistem pendispensan ubat dengan melaksanakan perkhidmatan tambah nilai (*Value Added Service, VAS*) di kaunter farmasi seperti *drive through pharmacy*, perkhidmatan SMS dan perkhidmatan kiriman ubat secara pos laju.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI M. SARAVANAN**
[TAPAH]
TARIKH : **8 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 32

Y.B. DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan memperkenalkan caj kesesakan, kadar tol percuma pada waktu 'off-peak' antara iaitu jam 11 malam dan 5 pagi dan bilakah akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan pelaksanaan caj kesesakan, ia hanya akan dilaksanakan pada tahun depan setelah Kerajaan berjaya mengambil alih empat konsesi lebuhraya bertol dengan persetujuan pemegang saham dan pemiutang syarikat konsesi serta kelulusan terakhir Jemaah Menteri. Perlu ditegaskan bahawa cadangan pengambilalihan ini adalah tertakluk kepada ketekunan wajar (*due diligence*), sokongan pemegang saham dan pemiutang syarikat konsesi yang mencukupi serta kelulusan Jemaah Menteri yang muktamad. Walau bagaimanapun, tempoh ini hanya indikatif sahaja dan Kerajaan memerlukan masa bagi memastikan kesemua keperluan pengawalseliaan, kewangan dan undang-undang dipenuhi.

Kerajaan secara prinsipnya akan memberikan diskaun sehingga 30% pada waktu luar puncak dan kadar percuma pada waktu bukan puncak. Di samping itu, bagi tidak membebankan rakyat, Kerajaan akan mengekalkan caj kesesakan maksimum pada waktu puncak berdasarkan pada kadar tol sedia ada. Tempoh konsesi tidak akan dilanjutkan dan caj kesesakan tidak akan dinaikkan tahun demi tahun sepanjang tempoh konsesi. Setelah tempoh konsesi lebuhraya asal tamat, caj kesesakan akan dikurangkan lagi bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan lebuhraya sahaja, tanpa mengandungi sebarang unsur keuntungan. Struktur akhir caj kesesakan akan dikaji secara terperinci dan diperhalusi sebelum ia dilaksanakan kelak dan kadar caj kesesakan pastinya akan lebih rendah secara keseluruhan berbanding dengan tol yang dikenakan sekarang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 33

Y.B. DATUK SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah atau perancangan Kerajaan untuk membantu golongan M40 memandangkan golongan tersebut banyak terdedah kepada tekanan ekonomi dan kos sara hidup yang tinggi terutama bagi mereka yang tinggal di bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selain golongan B40, Kerajaan sedar bahawa perhatian juga perlu diberikan untuk membantu mengurangkan beban kewangan golongan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan atau golongan M40. Beberapa langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan rakyat termasuk golongan M40 adalah:

- menggantikan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST) kepada cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bermula 1 September 2018. Pengenalan semula SST ini meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat termasuk golongan M40;
- menanggung sebahagian besar daripada kos pengajian di institusi pengajian tinggi awam;
- memberi pelbagai pinjaman dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta;
- meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital dan klinik Kerajaan yang berkualiti untuk rakyat;
- mengkaji semula penenaan tol;
- memastikan bekalan barangan makanan mencukupi terutamanya pada musim perayaan;
- melaksanakan beberapa projek perumahan yang memberi manfaat kepada golongan M40 termasuk skim Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan beberapa projek di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).
- meningkatkan liputan dan kualiti pengangkutan awam di bandar mahupun kawasan luar bandar; dan
- menawarkan pas perjalanan pada harga RM100 untuk rakyat negara ini menggunakan tanpa had dalam tempoh 30 hari bagi semua perkhidmatan pengangkutan rel dan bas yang disediakan oleh Rapid KL dan pas bulanan pada harga RM50 tanpa had perkhidmatan bagi bas Rapid KL termasuk perkhidmatan bas perantara MRT.

NO SOALAN : 33

- memberikan pelbagai pelepasan cukai kepada pembayar cukai individu ke atas perbelanjaan tertentu mengikut kadar dan syarat tertentu. Ini termasuk:
 - pelepasan cukai bagi anak berumur di bawah 18 tahun;
 - pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan;
 - pelepasan cukai bagi anak berumur 18 tahun dan ke atas yang masih belajar; dan
- pelepasan cukai bagi perbelanjaan gaya hidup termasuk pembelian buku, surat khabar bercetak, komputer peribadi, telefon pintar dan bayaran langganan internet.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia (TM) telahpun mengadakan perancangan dan pelaksanaan awal mengenai pelan promosi Kempen *Visit Malaysia 2020* (VM2020) sejak dari tahun 2018 bagi memastikan sasaran 30 juta orang pelancong dan RM100 billion jumlah pendapatan yang telah ditetapkan dapat dicapai.

TM telah mengenalpasti enam (6) Teras Utama (*Strategic Direction*) yang dijadikan panduan bagi mengadakan promosi untuk menjayakan pelaksanaan Kempen *Visit Malaysia 2020*. Teras Utama tersebut adalah:

1. **Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat terkini ke arah *digitalization*** sebagai medium promosi/pengiklanan/publisiti melalui program berbentuk taktikal dan juga *thematic*. Promosi dan

pemasaran juga akan dijalankan secara *media hype* dan platform media sosial (*youtubers, Key opinion leaders, bloggers*) dengan membangunkan kandungan kreatif (*creative content*) mengikut kesesuaian sasaran pasaran (*targeted market*) kerana setiap pasaran mempunyai permintaan yang unik dan tersendiri. Penggunaan webinar juga akan diambil kira beserta *online training* kepada agensi-agensi pelancongan. Selain dari itu, penyediaan brosur secara online di samping meningkatkan imej-imej galeri yang berkualiti tinggi akan diambil kira sebagai salah satu cara ke arah *digitalization*. Penggunaan *Augmented Reality* bagi memperkasakan lagi aktiviti promosi Tourism Malaysia akan turut digunakan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia;

2. **Mempergiatkan penyertaan pada acara/program utama** seperti ITB di Berlin, WTM di London dan program-program di peringkat Domestik seperti MATTA Fair, MITA Fair dan lain-lain. Kementerian juga akan mengambil peluang melalui penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa seperti *APEC Economic Leaders' Meeting* dan *World Congress on Information Technology* pada tahun 2020;
3. **Mempelbagaikan produk (*Product Diversification*) melalui kerjasama-pintar (*smart partnership*) dengan rakan kerjasama** seperti MAHB, Syarikat Penerbangan Tempatan dan Antarabangsa, Agensi Pelancongan termasuk OTA (*online travel platform*), pihak swasta dan Kerajaan Negeri ke arah usaha meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia dan pergerakan pelancong domestik;
4. **Memaksimumkan kempen promosi dan pengiklanan bersepadu (*integrated marketing campaigns*)** melalui kerjasama dengan MATRADE, MIDA, FAMA, MHTC, MITI, MOE dan lain-lain entiti untuk membawa satu mesej nasional yang bersepadu di dalam program promosi/pengiklanan yang dilaksanakan oleh setiap Kementerian/Agensi;

5. **Meningkatkan inisiatif baru** melalui Program *Joint International Tourism Development Programme* (JITDP) di mana sasaran pasaran utama bagi program ini adalah China, India, Jepun, Korea, Australia, Eropah, Amerika dan pasaran ASEAN. Melalui inisiatif ini, jumlah sumbangan Tourism Malaysia bagi menjalankan setiap program akan berkurangan dari 50% kepada 25% manakala 25% akan dibiayai oleh MAHB. Selebihnya iaitu 50% akan dibiayai oleh rakan-rakan kerjasama yang lain; dan
6. **Mempromosikan Malaysia sebagai lokasi perfileman bagi pasaran antarabangsa** melalui kerjasama dengan FINAS, FDAM, PFM, pihak swasta dan Kerajaan Negeri di dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan untuk filem, dokumentari, program realiti dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini untuk menjayakan misi nasional Kempen VM2020 di luar negara, MOTAC juga telah menggerakkan jentera jaringan hubungan bersama Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agensi Kerajaan melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja VM2020 dan sepuluh (10) Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Kewangan, Keselamatan dan Kecemasan, Kemudahan Pelancongan, Infrastruktur, Keceriaan dan Kebersihan, Pengangkutan, Publisiti, Promosi, Latihan dan Kualiti Perkhidmatan, Acara Pelancongan dan Kebudayaan, APEC2020 dan Expo Dubai 2020. Dengan tertubuhnya jawatankuasa-jawatankuasa ini, kerjasama di antara semua pihak dapat dipertingkatkan bagi mempromosikan Kempen VM2020.

Kementerian turut menitikberatkan kerjasama dengan setiap negeri untuk bersama-sama menjayakan Kempen VM2020 melalui platform Jawatankuasa Kebangsaan Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan bersama para Exco Pelancongan negeri ke arah persiapan VM2020. Setiap Kerajaan Negeri juga sedang mengenalpasti *Signature Events* di peringkat negeri masing-masing untuk diselaras dan disenaraikan di bawah Kalendar Acara VM2020.

Kesedaran pelbagai pihak berkepentingan di dalam industri pelancongan masyarakat dan masyarakat di peringkat akar umbi juga amat penting kerana mereka merupakan nadi penggerak kepada segala aktiviti dan program di bawah Kempen VM2020. Justeru, beberapa siri sesi libat urus bersama Kementerian dan Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, penggiat industri pelancongan dan kebudayaan serta masyarakat akan dipergiatkan lagi untuk mewujudkan kerjasama pintar di samping meningkatkan kesedaran dan penglibatan semua pihak dalam bersama-sama memperhebatkan Kempen VM2020.

Selain itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia juga sedang di peringkat akhir untuk memuktamadkan logo, lagu rasmi dan video tema bersempena VM2020. Pelancaran logo VM2020 tersebut akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri sendiri dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Penganjuran Kempen VM2020 akan memberi manfaat besar kepada pelbagai lapisan masyarakat serta pertambahan pendapatan tukaran matawang asing kepada negara. Kempen ini juga berupaya untuk mewujudkan kesan limpahan kepada sektor-sektor ekonomi lain yang berkaitan termasuk meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 35

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan
sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina satu klinik
Kesihatan di Data Kakus.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin terhadap keperluan perkhidmatan kesihatan di bandar mahupun di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai akses kepada fasiliti kesihatan berdekatan. Bagi penduduk kawasan Data Kakus yang berjumlah 834 orang, perkhidmatan kesihatan buat masa ini disediakan melalui Perkhidmatan Kesihatan Bergerak iaitu pasukan VHT (*Village Health Team*) daripada Klinik Kesihatan Bintulu yang datang secara berkala pada setiap bulan. Pasukan ini menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit kronik, rawatan pesakit luar dan juga perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Kehadiran penduduk pada setiap kali lawatan pasukan ini adalah sekitar 100 orang.

Buat masa ini, berdasarkan bilangan penduduk yang kecil, perkhidmatan ini masih mampu menampung keperluan kesihatan bagi penduduk Data Kakus. Sekiranya terdapat keperluan, kekerapan lawatan Pasukan Kesihatan Bergerak ini boleh ditambah. Oleh itu, KKM belum bercadang untuk membina sebuah klinik kesihatan di Data Kakus.

Walau bagaimanapun, KKM akan sentiasa memantau keperluan kesihatan penduduk dari semasa ke semasa dan akan mencadangkan pembinaan klinik kesihatan sekiranya terdapat keperluan untuk membinanya di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN
KAWASAN : JULAU
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah projek pembangunan infrastuktur baru bagi negeri Sabah dan Sarawak yang telah diluluskan dan status pelaksanaan serta pemantauan projek-projek tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2019, satu projek pembangunan infrastruktur baharu telah diluluskan bagi negeri Sarawak iaitu Projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR), manakala tiada projek baharu bagi negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Sarawak-Sabah Link Road merupakan pembinaan jalan baharu tunggal dua hal yang akan menghubungkan Sarawak dan Sabah tanpa melalui negara Brunei. Projek akan dilaksanakan melalui dua fasa dimulai dengan Fasa 1 dengan jajaran sepanjang 80 km bermula dari Lawan melalui Long Sukang seterusnya ke Long Lopeng dan berakhir di Kampung Pa Berunut. Fasa 1 projek kini sedang di peringkat reka bentuk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 37

Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca kenaikan drastik anggaran bagi perbelanjaan lain sehingga menjadi 17.1% (kedua terbesar) daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran perbelanjaan mengurus tahun 2019 seperti mana yang diluluskan oleh Parlimen adalah berjumlah RM259,850 juta dan diagihkan kepada pengkelasan umum perbelanjaan seperti di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 seperti berikut:

1. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM146,330 juta atau 56.3% dari keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 2019;
2. Emolumen sebanyak RM82,045 juta atau 31.6% dari keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 2019;
3. Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM29,068 juta atau 11.2% dari keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 2019;
4. Perbelanjaan-perbelanjaan lain sebanyak RM1,734 juta atau 0.6% dari keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 2019; dan
5. Aset sebanyak RM673 juta atau 0.3% dari keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 2019.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kewangan ingin menjelaskan bahawa fakta yang dinyatakan di dalam soalan Yang Berhormat iaitu kenaikan drastik anggaran bagi perbelanjaan lain sehingga menjadi 17.1% (kedua terbesar) daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 adalah kurang tepat kerana jumlah peratus sebenar bagi perbelanjaan lain hanyalah pada kadar 0.6% sahaja daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2019.

Walau bagaimanapun, secara umumnya kenaikan jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 2019 kepada RM259,850 juta daripada RM234,250 juta bagi tahun 2018 adalah disebabkan oleh bayaran balik Cukai Pendapatan dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CPB) sebanyak RM37,000 juta.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN
KAWASAN : PAPAR
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa fasakah pembinaan Jalan Raya Pan Borneo yang telah dan belum ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor di Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No 38 dan 75 dari YB Papar yang dijadualkan pada hari ini juga kerana menyentuh isu yang sama iaitu hala tuju Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Perancangan untuk memulakan pembinaan bagi baki 23 pakej kerja yang belum dibuat pelantikan kontraktor adalah tertakluk kepada keputusan muktamad dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Mei 2019 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah sebanyak 16.90%.

Berdasarkan perancangan asal, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dijangka siap sepenuhnya pada 31 Disember 2021. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sedang meneliti semula jadual perancangan tersebut dengan mengambil kira kelewatan untuk menyelesaikan isu-isu setempat, terutama pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri Sabah. JKR Sabah dijangka akan membentangkan dalam masa terdekat berhubung jadual perancangan keseluruhan projek.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak PDP bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016 telah menetapkan bahawa PDP layak

dibayar sebanyak 5.5% daripada kos pembinaan sebagai Yuran PDP. Yuran PDP tersebut antara lain bertujuan supaya PDP menyiapkan projek dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dengan kos yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan. Kegagalan pihak PDP untuk mematuhi kedua-dua elemen *Key Performance Index* (KPI) tersebut akan menyebabkan penalti ke atas Yuran PDP tersebut.

Memandangkan Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah tanpa melibatkan PDP, Kerajaan tidak perlu lagi untuk membuat bayaran melibatkan Yuran PDP. Namun, pelaksanaan projek di bawah pemantauan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah tidak akan melibatkan pengukuran dua elemen KPI di atas.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 39

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian dalam mengatasi masalah gangguan bekalan air kawasan luar bandar yang sering terputus di musim perayaan khususnya di daerah Setiu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif Program Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan Kementerian adalah bertujuan untuk membekalkan bekalan air bersih dan terawat kepada rumah-rumah yang masih belum menerima bekalan air bersih dan terawat. Projek-projek yang dilaksanakan akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa air negeri bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan setelah siap.

Berhubung masalah gangguan bekalan air yang sering terputus di musim perayaan adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri sepenuhnya. Bagi Negeri Terengganu, Syarikat Air Terengganu (SATU) adalah pihak yang menjalankan operasi dan penyelenggaraan bekalan air bagi seluruh negeri.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri terutamanya pihak berkuasa air negeri dalam usaha meningkatkan liputan bekalan air luar bandar kepada penduduk luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 40

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai hasrat untuk membina pusat-pusat dialisis untuk menangani isu peningkatan jumlah pesakit buah pinggang di negara kita. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu pesakit-pesakit buah pinggang kurang berkemampuan yang tidak mendapat perkhidmatan dialisis di hospital kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan keperluan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini. Jumlah pesakit yang menerima rawatan hemodialisis bagi tempoh 2011 hingga 2016 di kemudahan Kerajaan adalah seramai 8,184 orang.

Kerajaan telah menyediakan unit hemodialisis di hospital-hospital dan beberapa buah klinik kesihatan yang terletak jauh dari hospital untuk menampung keperluan tersebut. Pada masa ini, kesemua hospital KKM di seluruh Negara kecuali di Hospital Rajah Charles Brooke, Sarawak telah mempunyai unit hemodialisis bagi memberi perkhidmatan tersebut kepada rakyat.

Manakala di klinik kesihatan pula, sebanyak 15 buah unit hemodialisis di klinik kesihatan yang mempunyai unit hemodialisis; iaitu di:

1. KK Simpang Renggam, Kluang, Johor
2. KK Bandar Mas, Kota Tinggi, Johor
3. KK Kodiang, Kubang Pasu, Kedah
4. KK Song, Song, Sarawak
5. KK Debak, Betong, Sarawak
6. KK Tatau, Bintulu, Sarawak
7. KK Batu Niah, Miri, Sarawak
8. KK Mahligai, Bachok, Kelantan
9. KK Chiku 3, Gua Musang, Kelantan
10. KK Kemahang, Tanah Merah, Kelantan
11. KK Sg Lembing, Kuantan, Pahang
12. KK Bestari Jaya, Selangor
13. KK Lenggong, Gerik, Perak
14. KK Pulau Pangkor, Perak
15. KK Cheng, Melaka

Manakala terdapat tiga (3) buah lagi unit hemodialisis dijangka akan beroperasi pada tahun 2019; iaitu di:

1. KK Sungai Koyan, Pahang
2. KK Nabawan, Sabah
3. KK Pantai Remis, Perak

Dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara, KKM sedang dan telah memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis.

Yang di-Pertua,

KKM juga menyediakan subsidi kepada pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan untuk menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan KKM. Bantuan sebanyak RM100 bagi setiap rawatan dan suntikan Erythropoeitin (EPO) sebanyak RM18.50 untuk setiap pesakit sehingga maksimum RM240.50 sebulan. Sehingga kini, terdapat 125 pusat dialisis NGO yang dikendalikan oleh 61 pertubuhan NGO telah berdaftar sebagai pusat dialisis yang layak menerima bantuan subsidi KKM. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta setahun bagi membantu pesakit kurang mampu menjalani rawatan hemodialisis. Sepanjang tempoh Januari hingga 15 Jun 2019, sebanyak RM11.27 juta telah dibelanjakan melibatkan 2,814 pesakit yang memerlukan bantuan kewangan bagi rawatan hemodialisis.

Melalui Program PeKA B40, Kerajaan juga telah memperkenalkan program pengesanan penyakit kencing manis dan darah tinggi, agar komplikasi penyakit buah pinggang akibat dari penyakit kencing manis dan darah tinggi dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 41

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status cadangan menaik taraf jalan dari Sapulut ke Salung di daerah Nabawan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jajaran naiktaraf jalan dari Sapulut ke Salung merupakan jajaran di bawah Projek Naiktaraf Jalan Ke Pekan Baru Pegalungan, Nabawan, Sabah. Projek ini telah tersenarai di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Keempat (RMKe-11, RP4) Tahun 2019 dengan kos sebanyak RM380.0 juta dan skop menaiktaraf jalan sepanjang 22.6 km dan membina baru jalan sepanjang 11.4 km dengan spesifikasi JKR R2 serta membina baru enam (6) buah jambatan.

Status terkini adalah di peringkat penyediaan Makmal Kejuruteraan Nilai sebelum projek dijangkakan ditender pada bulan Januari 2020.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 42

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan masalah kekurangan bekalan air bersih kepada penduduk kawasan Lubok Antu dengan mengadakan dan menyediakan tangki air berpusat [*central water storage tank*] bertujuan menampung masalah air yang tidak pernah ada jalan penyelesaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian. Peranan Kementerian adalah membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian juga akan melaksanakan projek naik taraf atau membina baru loji rawatan air secara *case by case* di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian ini telah melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Fasa I pada tahun 2013 dengan kos sebanyak RM 49.775 juta. Projek ini telah siap pada tahun 2013 dan telah membekalkan air

NO. SOALAN : 42

terawat ke kawasan Nanga Bulu dan Nanga Kesit dengan pembinaan loji rawatan air berkapasiti 7.5 Mld, sebuah tangki takungan air bersaiz 1.5ML dan paip agihan sepanjang 46 km. Seramai 14,115 orang iaitu 50% penduduk meliputi anggaran 1,050 pintu telah menerima bekalan air terawat pada masa itu.

Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Fasa II pula ianya telah diluluskan pelaksanaannya di Rancangan Malaysia Ke-11, Rolling Plan Kedua (RP2) dengan kos siling sebanyak RM117.837 juta. Apabila projek ini siap ianya dijangka akan membekalkan air terawat yang berterusan kepada 54 perkampungan dan 5 buah sekolah di kawasan Lubok Antu. Projek Fasa II ini akan melibatkan pemasangan paip utama sepanjang 22.5 km dan paip agihan sepanjang 140km. Selain dari itu penambahan kapasiti pembinaan loji rawatan air daripada 7.5 JLH kepada 15 JLH akan dilaksanakan dengan tambahan 4 buah tangki takungan air dan 3 buah stesen penggalak.

Status projek adalah telah ditender pada 20 Jun 2019. Surat Setuju Terima dijangka dapat dikeluarkan pada suku ketiga 2019. Tempoh pelaksanaan projek akan mengambil masa selama 24 bulan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Projek ini dijangka dapat memberi manfaat kepada 1,050 buah rumah atau 20,112 orang iaitu meliputi 70% penduduk di kawasan Lubok Antu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 43

Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pembayar cukai mengikut peratusan bangsa kepada Kerajaan Malaysia sejak 2015 hingga kini mengikut tahun dan apakah kaedah terbaik untuk menjamin pendapatan negara melalui cukai langsung ini diperbaiki.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, borang nyata cukai pendapatan yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tidak mempunyai butiran kaum atau bangsa. Langkah ini selaras dengan prinsip kesaksamaan (*equitable*) yang dipakai dalam mengenakan cukai pendapatan kepada setiap individu tanpa mengambilkira perbezaan kaum, agama dan sebagainya. Sebaliknya, asas yang penting adalah individu berkenaan memperoleh pendapatan di Malaysia sama ada pendapatan pengajian, perniagaan atau lain-lain punca seperti pendapatan dividen, sewa dan sebagainya.

Pelaksanaan sistem percukaian yang adil, cekap dan berkesan adalah merupakan teras kepada sesebuah pentadbir cukai agar fungsinya diiktiraf dan dihargai oleh rakyat, demi kesejahteraan dan kemakmuran negara. Justeru, LHDNM sentiasa berusaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatannya bagi memudahkan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab percukaian masing-masing. LHDNM telah melakukan beberapa penajaran semula strategi melalui tindakan seperti berikut iaitu:

- a. Aktiviti penguatkuasaan cukai khususnya aktiviti yang melibatkan tindakan audit dan siasatan dibuat dengan lebih profesional. Selain itu LHDNM juga telah menetapkan tatacara yang lebih ketat berhubung penggunaan peruntukan kuasa di bawah Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) di dalam aktiviti penguatkuasaan;
- b. Reformasi perundangan percukaian turut dilaksanakan melalui penggubalan perundangan untuk perkara baru dan semakan semula perundangan sedia ada agar ianya relevan dengan keadaan semasa;
- c. Penambahbaikan dari aspek pungutan dan pemantapan struktur pungutan sebagai contoh penambahbaikan tatacara dalam pengenaan

NO SOALAN : 43

tindakan sekatan perjalanan kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai;

- d. Program-program pendidikan cukai yang berfokus dan memberikan layanan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai yang berterusan melaksanakan kewajipan mereka tanpa gagal. Ini adalah bagi memastikan sistem percukaian yang dilaksanakan akan memberikan keselesaan kepada mereka yang patuh kepada undang-undang cukai; dan
- e. Memantapkan penggunaan teknologi dalam usaha menambahbaik proses kerja dan mempertingkatkan pematuhan serta kutipan cukai.

Langkah-langkah yang diambil ini berupaya memberikan impak positif kepada kutipan hasil meskipun berdepan cabaran persekitaran ekonomi global yang sedang berlaku sekarang. LHDNM sentiasa memperkasakan segala usaha bagi memastikan kutipan cukai langsung yang sepatutnya dikutip dapat direalisasikan selaras dengan peningkatan ekonomi negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 44

TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik berkenaan dengan jumlah bayi kelahiran rawatan IVF dan IUI (untuk kedua-dua hospital Kerajaan dan hospital persendirian) dalam 10 tahun kebelakangan ini. Apakah peratusan kejayaan penghamilan yang tercatat di negara kita berbanding dengan jumlah rawatan IVF dan IUI yang telah diberikan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya mempunyai data mengenai bilangan pelanggan yang menjalani rawatan *In-vitro Fertilization* (IVF) dan Intrauterine Insemination (IUI) di fasiliti KKM sahaja. Buat masa ini, pihak KKM tidak mempunyai data tentang bilangan kelahiran bayi melalui kedua-dua kaedah ini.

Daripada tahun 2010 sehingga 2018, sebanyak 6,527 pesakit telah menjalani prosedur IVF di enam (6) buah hospital KKM iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh Perak. Peratus kejayaan pesakit yang menjalani prosedur IVF ini secara puratanya sekitar 19% hingga 28% setahun. Daripada jumlah pesakit 6,527 yang menjalani rawatan IVF pada 2010 sehingga 2018, seramai 2,083 orang berjaya hamil, di mana seramai 1,625 orang adalah melalui *fresh embryo transfer* dan 458 orang melalui *frozen embryo transfer*.

Terdapat seramai 10,305 orang pesakit telah menjalani rawatan IUI di 13 buah hospital Kerajaan daripada tahun 2014 hingga 2018. Dari pada jumlah ini seramai 719 orang pesakit berjaya hamil. Peratus kejayaan IUI adalah sekitar 7 peratus setahun secara umumnya.

Perkhidmatan *Assisted Reproductive Technique* seperti IVF ini merangkumi prosedur lengkap dari siasatan makmal sehinggalah kepada rawatan ubat serta prosedur di dewan bedah termasuk kaunseling. Ubat-ubatan mendapat subsidi penuh dari Kerajaan manakala prosedur-prosedur akan dikenakan caj.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 45

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang menetapkan garis panduan dalam mengawal selia kos rawatan di hospital-hospital swasta bagi melindungi pesakit daripada dikenakan caj atau bayaran rawatan perubatan yang tidak munasabah serta mewujudkan satu Jabatan Pemantauan khusus bagi melakukan pemantauan yang ketat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kenaikan kos perubatan adalah *trend* di kalangan kebanyakan negara di dunia. Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat peningkatan kos perubatan kira-kira 12.6% pada tahun 2017, dan ia telah meningkat kepada 13.2% pada tahun 2018 dan dijangka akan meningkat lagi pada tahun ini. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah peningkatan penggunaan teknologi perubatan baru kepada pesakit.

Pada masa kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya mengawal selia sebahagian daripada caj hospital swasta iaitu fi profesional. Kawalan ke atas fi profesional adalah mengikut Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital

Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan 2013) yang berkuatkuasa sejak tahun 2006. Untuk makluman, fi profesional ini adalah terdiri daripada fi perundingan pengamal perubatan dan fi prosedur perubatan.

Walau bagaimanapun, caj hospital swasta lain seperti caj tatacara kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj untuk alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain), caj ujian makmal dan caj ubat-ubatan tidak dikawal selia oleh KKM. Caj-caj ini sukar dikawal disebabkan oleh faktor-faktor seperti lokasi hospital, tahap perkhidmatan klinikal yang disediakan serta kos sumber manusia dan lain-lain.

Pada tahun 2017, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengesyorkan kepada KKM agar kos perubatan hospital swasta dikawalselia sepenuhnya. KKM telah meneliti syor tersebut dan telah mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan di antaranya seperti Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) , MyCC, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan MDA. Dalam perbincangan bersama ini, pihak MyCC berpendapat bahawa mengawal selia caj hospital swasta adalah bertentangan dengan amalan perniagaan syarikat dan tidak menepati peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010. Mereka turut mencadangkan agar KKM mendapatkan maklumat daripada BNM berhubung kenaikan caj hospital setiap tahun dan berpendapat mengawal selia harga bagi perkhidmatan / barangan tertentu adalah lebih praktikal. Ini adalah kerana pengawal seliaan harga secara sepenuhnya akan mengganggu amalan perniagaan hospital swasta tersebut.

KKM juga maklum bahawa golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, kurang mampu untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta. Justeru itu, KKM komited untuk menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan di hospital-hospital KKM bagi memenuhi keperluan kesihatan golongan seperti ini. Antara langkah memurnikan hasrat KKM ini termasuklah:

NO SOALAN : 45

1. Pengecualian daripada membayar semua atau sebahagian caj bagi pesakit luar dan pesakit kelas tiga sekiranya diisytihar miskin di bawah perenggan 16(7) Perintah Fi (Perubatan) 1982;
2. Pemberian subsidi lebih besar (lebih 90%) kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan KKM;
3. Caj maksimum rawatan pesakit dalam untuk kelas ketiga adalah RM500.00 sahaja;
4. Tiada caj ubatan dikenakan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982; dan
5. Pesakit yang dirujuk kepada hospital swasta kerana ketiadaan kepakaran akan dibiayai oleh KKM.

Selain daripada itu, pihak KKM juga bercadang untuk melihat kemungkinan sekiranya perolehan dibuat secara pukal bersama-sama dengan pihak swasta. Ini akan mengizinkan KKM dan pihak hospital swasta untuk mendapat *economy of scale*, (dengan izin) sekaligus memberikan posisi rundingan yang lebih baik terhadap kos ubat-ubatan, peralatan perubatan dan *consumables*.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
KAWASAN : SUNGAI SIPUT
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan Kerajaan menaik taraf laluan utama Sungai Siput ke Kuala Kangsar bagi mengelakkan kesesakan terutama musim perayaan dan mengurangkan kadar kemalangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa sekarang, Kerajaan tiada perancangan untuk menaiktaraf jalan utama yang menghubungkan Sungai Siput ke Kuala Kangsar (Jalan Persekutuan FT01). Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service*, LOS) jalan ini pada masa sekarang berada pada tahap LOS A. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik pada jalan sedia ada masih lancar serta masih lagi mampu menampung kapasiti jalan sedia ada. Di samping itu juga, pihak kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) yang menghubungkan Banting, Selangor ke Taiping, Perak dan projek ini dijangka dapat menyuraikan lagi trafik di jalan raya-jalan raya utama terutamanya di musim perayaan apabila lebuhraya ini siap dan beroperasi sepenuhnya kelak.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan kelancaran trafik di jalan raya tersebut semasa musim perayaan, kawalan trafik di jalan raya akan dipertingkatkan terutamanya di kawasan persimpangan dengan bantuan pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRA JAYA]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 47

Y.B. DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF [PETRA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sudah ada mekanisme dalam pelaksanaan subsidi minyak bersasar seperti yang diumumkan Kerajaan dan apakah dapatan dari kajian yang telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kewangan bersama-sama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang memuktamadkan mekanisme pelaksanaan dan kriteria kelayakan penerima subsidi petrol RON95 secara bersasar untuk dilaksanakan dengan segera. Mekanisme dan kriteria pemberian subsidi yang sesuai perlu diperhalusi dengan mendalam bagi memastikan pelaksanaannya kelak akan dapat berjalan dengan lancar, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan sasar dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Mekanisme pelaksanaan dan kriteria kelayakan subsidi bersasar ini akan dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan sebelum ia diumumkan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 48

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif atau tindakan jangka masa pendek dan panjang Kementerian bagi menangani isu lambakan graduan doktor perubatan dan jururawat yang masih belum mendapat penempatan di hospital hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi graduan perubatan, antara tindakan jangka masa pendek yang diambil oleh KKM bagi mempercepatkan latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah yang kini telah berjumlah 47 buah hospital dengan jumlah slot latihan sebanyak 12,033. Selain itu, KKM juga menambah bilangan penempatan alternatif dalam penempatan latihan siswazah daripada 5 penempatan kepada 9 penempatan di Klinik-klinik Kesihatan; dan
2. Melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara untuk tempoh 5 tahun sehingga 2021.

Manakala, bagi jangka masa panjang, KKM sedang/akan melaksanakan inisiatif berikut:

1. Menambah bilangan hospital baru yang memenuhi syarat akreditasi untuk dijadikan sebagai Hospital Latihan Siswazah. Sebanyak 8 buah hospital sedia ada sedang diteliti untuk diiktiraf sebagai Hospital Latihan Siswazah dalam tempoh 2 tahun (2020-2021). Dengan pertambahan tersebut, sebanyak 400 slot latihan akan dapat disediakan;
2. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada Pegawai Perubatan Siswazah berkenaan; dan
3. Majlis Perubatan Malaysia melaksanakan *Licensing Examination* bagi semua graduan perubatan dalam dan luar negara bagi memastikan hanya calon yang memenuhi syarat minimum yang ditetapkan dapat dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah.

Dalam pada itu, bagi memanfaatkan ilmu yang diperolehi setelah tamat belajar, graduan perubatan warganegara Malaysia boleh menyertai Program Sangkutan Klinikal secara sukarela bagi mendapatkan pendedahan pengalaman di fasiliti KKM sebelum dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah.

Bagi graduan Jururawat Institut Latihan KKM pula, antara tindakan yang telah diambil oleh KKM bagi menangani isu lambakan graduan dan mempercepatkan penempatan di fasiliti kesihatan adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan pelantikan secara tetap mengikut baki kekosongan jawatan sedia ada di fasiliti kesihatan;
2. Mencadangkan kepada Agensi Pusat untuk melantik graduan jururawat tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan bagi

memenuhi keperluan perkhidmatan di fasiliti kesihatan di seluruh negara;

3. Melaksanakan Moratorium Penawaran Kursus Kejururawatan Peringkat Diploma Di Institut Pendidikan Tinggi Swasta mulai September 2010. Dengan pelaksanaan moratorium ini, Kementerian Pengajian Tinggi tidak akan mempertimbangkan bagi sebarang permohonan penubuhan institusi, fakulti dan program baru untuk bidang kejururawatan sehingga moratorium ini ditarik balik; dan

4. Mengurangkan pengambilan pelatih jururawat bagi kemasukan ke Institut Latihan KKM dan secara tidak langsung mengurangkan jumlah keluaran graduan. Langkah ini telah dilaksanakan sejak tahun 2016. Pada tahun 2018, terdapat seramai 2,123 orang keluaran Graduan Diploma Kejururawatan ILKKM iaitu pengurangan sebanyak 30% berbanding pada tahun 2014 iaitu seramai 3,020 graduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN**
[KENINGAU]
TARIKH : **08 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 49

Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menghapuskan hutang Sabah yang berasal dari pinjaman untuk bekalan air seperti RM253 juta untuk Projek Bekalan Air Keningau yang diumumkan pada tahun 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah pinjaman yang diluluskan bagi projek bekalan air Sabah setakat 31 Mei 2019 adalah RM3,519.52 juta terdiri daripada projek air bandar, luar bandar dan sumber air. Di antara tahun 2007 hingga 2009, Kerajaan Persekutuan telah menghapus kira pinjaman projek bekalan air luar bandar tahun 2000 dan sebelumnya bagi negeri Sabah berjumlah RM44.15 juta. Walau bagaimanapun, hapus kira ini tidak melibatkan pinjaman projek bekalan air luar bandar di Keningau berjumlah RM245 juta yang mana pinjaman hanya diluluskan pada tahun 2007 dan 2012.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 50

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah perancangan untuk menyediakan sebuah klinik di Kampung Selalang di bahagian Sarikei. Ini kerana penduduk-penduduk di kampung tersebut mendapat rawatan yang terhad di klinik syarikat “*sawmill*” yang berdekatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Buat masa ini, perkhidmatan kesihatan bagi penduduk Kampung Selalang (seramai 745 orang) disediakan oleh Pasukan Kesihatan Bergerak dari Pejabat Kesihatan Bahagian Sarikei secara berkala setiap bulan. Pasukan Kesihatan Bergerak ini menyediakan Perkhidmatan Pesakit Luar (OPD), Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak (MCH) dan Saringan Kesihatan. Kehadiran setiap lawatan hanyalah antara 30 – 60 orang sahaja. KKM berpandangan perkhidmatan kesihatan penduduk Kampung Selalang masih mampu ditampung oleh Pasukan Kesihatan Bergerak ini. Sekiranya terdapat keperluan, kekerapan lawatan Pasukan Kesihatan Bergerak ini boleh ditambah.

Selain daripada itu, KKM juga bercadang untuk menaik taraf Klinik Desa Bayong yang terletak 27km kepada Klinik Kesihatan Jenis 4. Cadangan pembinaan KK4 Bayong akan dipohon di dalam RMK-12 yang akan datang. Apabila siap kelak, sebahagian penduduk Kampung Selalang boleh juga mendapatkan perkhidmatan terus di Klinik Kesihatan Bayong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 51

Y.B. DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca hutang negara semakin meningkat. Semakan terkini di laman Bank Negara Malaysia sehingga April 2019, Hutang Langsung Kerajaan Persekutuan telah meningkat ke paras RM776.82 bilion iaitu penambahan sebanyak RM35.77 bilion bagi 4 bulan pertama tahun 2019. Ini sekaligus menjadikan kenaikan berjumlah hampir RM89.96 bilion sejak Disember 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, **hutang dan liabiliti kerajaan** adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar 75% berbanding KDNK pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira **hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan**, serta liabiliti lain termasuk **bayaran pajakan kewangan** (finance lease) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

2. Kedudukan **hutang langsung Kerajaan** Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah sebanyak RM741.0 bilion atau 51% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

3. **Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan** adalah sebanyak RM132.7 bilion, atau 9% berbanding KDNK bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

4. **Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain** seperti 1MDB pula adalah sebanyak RM217.1 bilion atau 15% berbanding KDNK pada akhir 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi hutang langsung kerajaan, secara amnya, peningkatannya adalah disebabkan keperluan Kerajaan membiayai defisit belanjawan tahunan yang mana pinjaman dilaksanakan untuk menampung belanja pembangunan. Pada

akhir-2018, hutang langsung kerajaan adalah berjumlah RM741.0 bilion atau 51.2% daripada KDNK, lebih tinggi berbanding RM686.8 bilion atau 50.1% daripada KDNK pada akhir-2017. Peningkatan sebanyak RM54.2 bilion adalah bagi membiayai defisit pada tahun 2018.

6. Sehingga April 2019 pula, hutang langsung Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM777.1 bilion. Penambahan RM36.1 bilion ini digunakan untuk membiayai defisit pada bulan Januari - April 2019 berjumlah RM16 bilion, manakala baki sebanyak RM20.1 bilion pula digunakan bagi *prefunding* sebahagian bayaran prinsipal hutang langsung domestik dan hutang langsung luar pesisir yang akan matang pada bulan Mei - Disember 2019.

7. Kerajaan harus membuat pinjaman baru setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman bagi membiayai semula hutang langsung yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Hutang langsung Kerajaan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan mempunyai lebihan (*surplus*). Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 - 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang langsung daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997 berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.

8. Bagi memastikan paras hutang langsung Kerajaan terurus dalam jangka masa panjang, langkah konsolidasi fiskal akan diteruskan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kerajaan yakin akan dapat mengurangkan paras defisit daripada 3.7% berbanding KDNK pada tahun 2018 kepada 3.4% berbanding KDNK pada tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 52

Y.B. DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan data yang diproses oleh Syarikat Insurans Great Eastern di bawah skim mySalam tidak akan disalahgunakan oleh syarikat insurans tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaannya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta

NO SOALAN : 52

Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 53

Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab kejatuhan bursa saham dan melaporkan jumlah pelaburan asing yang telah keluar berbanding dengan jumlah pelaburan asing yang masuk ke dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks penanda aras FBMKLCI kekal berdaya tahan meskipun pasaran kewangan global berada dalam keadaan tidak menentu. Sehingga 1 Julai 2019, FBMKLCI mencatat pengurangan secara marginal sebanyak 0.4%. Sementara itu, jumlah aliran keluar dana asing bersih mencatat RM4.7 bilion sehingga akhir Jun 2019. Keadaan ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, pertumbuhan sektor pembuatan yang lemah, penurunan dalam keuntungan korporat pada suku pertama 2019 serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index (WGBI)* oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

2. Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kerancakan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.

3. Dalam jangka masa panjang, prestasi bursa saham secara keseluruhannya akan didorong oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA
MERICAN**
[KEPALA BATAS]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 54

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian terkini situasi ekonomi negara sepanjang 6 bulan pertama 2019. Mohon dinyatakan juga prestasi Bursa Malaysia sepanjang tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prestasi ekonomi negara terus berkembang meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 4.5 peratus dalam tempoh suku pertama 2019. Prestasi ini dipacu terutamanya oleh aktiviti penggunaan swasta yang kekal rancak disokong oleh kestabilan pasaran buruh serta kadar inflasi yang rendah. Penggunaan awam juga menyokong pertumbuhan berikutan peningkatan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal menerajui pertumbuhan.
2. Prestasi ekonomi dijangka akan terus berdaya tahan bagi tempoh suku kedua 2019. Petunjuk pelaburan dan penggunaan swasta menggambarkan perkembangan ekonomi yang memberangsangkan. Antaranya adalah jualan kenderaan bagi tempoh Januari-Mei 2019 yang telah meningkat 13% kepada 253,808 unit daripada 225,134 unit dalam tempoh yang sama tahun lalu. Eksport bagi bulan April dan Mei juga masing-masing telah berkembang 1.1% dan 2.5% tahun-ke-tahun mengatasi konsensus pasaran. Ini telah membolehkan imbalan perdagangan negara terus mencatat lebihan sebanyak RM56.8 bilion bagi tempoh Januari hingga Mei 2019.
3. Selain itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat kukuh 4% pada bulan April 2019 dipacu oleh peningkatan dalam kesemua indeks.
4. Pelaburan langsung asing pula telah meningkat kepada RM21.7 bilion dalam tempoh suku pertama 2019 (S1 2018: RM11.2 bilion) terutamanya bagi subsektor kesihatan, pembuatan serta perlombongan dan kuari. Peningkatan ini menunjukkan keyakinan yang tinggi dalam kalangan pelabur asing ke atas Malaysia. Usaha Kerajaan dalam menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan negara ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat global

seperti dalam laporan *Ease of Doing Business 2019* oleh Bank Dunia yang mencatatkan peningkatan daya saing Malaysia ke kedudukan ke-15 daripada tempat ke-24 pada 2018.

5. Selain itu, indeks penanda aras FBMKLCI kekal berdaya tahan meskipun keadaan pasaran kewangan global tidak menentu. Sehingga 1 Julai 2019, FBMKLCI hanya mencatat pengurangan secara marginal sebanyak 0.4%. Prestasi pasaran ekuiti ini didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, pertumbuhan sektor pembuatan yang lemah, penurunan dalam keuntungan korporat pada suku pertama 2019 serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

6. Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kerancakan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 55

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pembinaan Jalan Meritam /Telahak/Buangabai/Pengkalan Rejab/Sungai Poyan Fasa 2 yang masih terbengkalai akan dimulakan dan bilakah “*retender*” kali ke-3 pembinaan jalan akan dibuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak selaku agensi pelaksana projek ini melalui surat bertarikh 17 Januari 2019 telah menamatkan kontrak bagi Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab (Fasa 2) memandangkan kontraktor yang dilantik gagal menyiapkan projek tersebut sebagaimana yang dijadualkan. Pada masa ini status fizikal projek adalah 68.5% sebenar berbanding 100% jadual.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah menilai semula baki kerja yang perlu disiapkan dan telah mengemukakan kos yang diperlukan kepada pihak Kementerian bagi penyiapan jalan tersebut.

Kementerian kini dalam proses untuk mengenal pasti kaedah pelaksanaan projek sama ada secara tender terbuka atau melalui arahan perubahan kerja (*Variation Order*) daripada Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai, Limbang (Fasa 4) sebelum diangkat untuk pertimbangan selanjutnya. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Oktober 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 56

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan indeks pelopor (leading index) telah susut dalam 9 dari jumlah 10 bulan yang dipantau dari Mei 2018 sehingga Februari 2019. Apakah pelan mitigasi Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Pelopor (IP) terdiri daripada dua komponen iaitu sektor benar dan sektor kewangan. Antara komponen penting dalam sektor benar adalah bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan dan import benar semi konduktor manakala bagi sektor kewangan adalah penawaran wang benar, M1. Walaupun terdapat penurunan pada IP sehingga Februari 2019, namun data terbaru bagi bulan Mac dan April 2019 telah menunjukkan peningkatan ketara iaitu 0.7% (Mac 2019) dan 2.6% (April 2019).

Peningkatan pada bulan April disokong terutamanya oleh import benar semi konduktor (0.8%) dan import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain (0.7%). Pada masa yang sama, perubahan tahunan IP terus meningkat kepada 0.4 peratus pada bulan rujukan. IP April yang lebih kukuh menunjukkan bahawa prestasi ekonomi pada Ogos hingga Oktober 2019 adalah dijangka lebih baik.

Pada masa yang sama, jumlah eksport untuk bulan Mei 2019 telah meningkat 2.5% tahun-ke-tahun ke RM84.1 bilion. Imbangan dagangan pada bulan yang sama juga telah meningkat 11.9% tahun-ke-tahun kepada RM9.1 bilion. Jualan kenderaan juga sedang meningkat pada kadar yang sihat. Dalam tempoh Januari-Mei 2019, jualan kenderaan telah meningkat sebanyak 13% kepada 253,808 unit berbanding 225,134 unit dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan sentiasa memantau prestasi ekonomi negara serta melaksanakan langkah-langkah bersesuaian untuk memastikan momentum pertumbuhan kekal pada trajektori sedia ada. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan berpandangan bahawa pelaksanaan dasar fiskal sedia ada sudah mencukupi untuk mengelakkan negara terjerumus

NO SOALAN : 56

ke dalam kancan krisis ekonomi. Memandangkan negara sedang dibebani oleh hutang yang tinggi, maka segala perbelanjaan yang dikeluarkan Kerajaan perlu mengambil kira kos dan faedah yang akan diperolehi sama ada kepada Kerajaan, firma, golongan profesional dan rakyat.

Selain itu, Kerajaan turut mempunyai komitmen untuk mematuhi pelan konsolidasi fiskal iaitu sasaran defisit 3.4% bagi tahun 2019, 3% bagi tahun 2020 dan kurang daripada 3% bagi tahun 2021. Justeru, segala perancangan perbelanjaan dan unjuran hasil oleh Kerajaan perlu mengambil kira keupayaan ekonomi negara untuk berkembang bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai. Namun, Kerajaan bertegas bahawa segala langkah konsolidasi ini akan dilakukan dengan cermat, teliti dan berhemah supaya kebajikan rakyat terutamanya kumpulan B40 dan M40 tidak akan terjejas.

Unjuran ekonomi masa hadapan juga bukan sepenuhnya bergantung kepada angka-angka ekonomi. Negara akan terus berkembang dengan pesat sekiranya semua golongan di dalam sistem tersebut mempunyai keyakinan terhadap tadbir urus Kerajaan untuk memaksimumkan potensi ekonomi sepenuhnya. Dalam hal ini, penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC) diyakini akan bertindak sebagai satu pendekatan yang lebih komprehensif dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti tinggi. Antara tugas utama GIACC adalah merancang, menggubal strategi dan menilai dasar bagi memastikan urusan kerajaan dilaksanakan berteraskan tadbir urus baik, integriti dan tiada toleransi kepada perbuatan rasuah. Sesungguhnya, negara yang bebas daripada unsur kleptokrasi akan mendorong keyakinan pelabur dan pengguna untuk memacu agregat permintaan dan seterusnya membantu IP untuk terus melonjak naik.

Selain itu, antara usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk memacu agregat permintaan adalah dengan merangsang aktiviti pelaburan dan perbelanjaan domestik. Sehubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada Mei 2019.

NO SOALAN : 56

Langkah pengurangan OPR ini telah memberi sokongan positif terhadap ekonomi negara. Pelarasan ini telah diterjemahkan serta-merta kepada kadar pinjaman runcit yang lebih rendah bagi isi rumah dan perniagaan untuk pinjaman baru, berikutan semakan ke bawah terhadap kadar asas (*base rate*, BR) dan kadar pinjaman asas (*base lending rate*, BLR) oleh semua bank sebanyak 25 mata asas. Kadar yang lebih rendah ini menyumbang kepada pembayaran balik yang lebih rendah untuk menyokong aktiviti pembiayaan yang mampan kepada sektor swasta dan seterusnya memberi kesan positif kepada aktiviti pelaburan dan perbelanjaan domestik.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 57

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang ditaja oleh MARA ke luar negara dan peruntukan setiap tahun semenjak tahun 2016 hingga 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelajar yang ditaja oleh MARA ke luar negara dan perbelanjaan sejak tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil Pelajar	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2016	4,268	1,509,424,318
2017	3,882	1,205,350,060
2018	3,165	1,109,792,295
2019 (setakat 31 Mei 2019)	1,535	223,517,536

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
[PASIR SALAK]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 58

Y.B. DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk memulihkan nilai ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar.
2. Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.
3. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa yang sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 59

Y.B. TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membolehkan pusat pentadbiran daerah Subis di Pekan Bekenu mendapatkan perkhidmatan bank beroperasi sepenuhnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan atau penutupan sesebuah cawangan bank merupakan keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan perniagaan institusi kewangan tersebut. Antara faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan atau penutupan cawangan, adalah kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran yang kondusif, keperluan terhadap perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat serta anggaran atau penggunaan sebenar perkhidmatan kewangan oleh penduduk. Pembukaan cawangan mungkin boleh dipertimbangkan sekiranya faktor-faktor ini dapat dipenuhi.

2. Pada masa ini, terdapat sebuah cawangan bank dan mesin ATM Agrobank di RTC Miri di Pekan Bekenu, dan lapan (8) ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar mukim Sibuti, daerah Miri, Sarawak. Melalui ejen bank, penduduk mukim Sibuti boleh mendapatkan perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang, pembayaran bil dan pembukaan akaun. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) juga ada menyediakan perkhidmatan mesin ATM di UTC Miri di Pekan Bekenu, dan ini dapat meningkatkan akses kepada pengeluaran wang tunai bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
KAWASAN : KAPAR
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh pelaksanaan baik pulih jalan raya di kawasan Parlimen Kapar kerana peruntukannya telah diluluskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak **RM4.55 juta** peruntukan tambahan telah diluluskan secara berfasa oleh Kementerian Kewangan di bawah program penyenggaraan Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Kapar bagi tahun 2019. Kelulusan peruntukan bagi program penyenggaraan **berkala pavemen** ialah sebanyak **RM4.48 juta** yang melibatkan sebanyak **8 lokasi** dan diluluskan secara berfasa. Manakala kelulusan peruntukan bagi program penyenggaraan **berkala bukan pavemen** ialah sebanyak **RM70 ribu** melibatkan sebanyak **2 lokasi**.

Kerja-kerja penyenggaraan **berkala bukan pavemen** telah bermula semenjak **25 April 2019** dan kini dalam peringkat pembinaan. Manakala kerja-kerja penyenggaraan **berkala pavemen** telah bermula semenjak **11 April 2019** dan dijangka akan siap secara berperingkat selewat-lewatnya pada bulan **September 2019**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 61

Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dari tahun 2009 hingga 2018:-

(a) berapakah pemberian ikut kepala (*capitation grant*) dan penyelenggaraan jalan negeri diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri dan ; dan

(b) berapakah pinjaman dan *advance payment* yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*) dibuat berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan dikira mengikut Peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Jumlah Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*) mulai tahun 2009 sehingga 2018 adalah sebanyak RM3.85 bilion.

Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) disediakan berdasarkan Peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan dikira berdasarkan Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dan Garis Panduan MARRIS yang berkuat kuasa. Jumlah Pemberian MARRIS mulai tahun 2009 sehingga 2018 adalah sebanyak RM34.54 bilion.

Pinjaman kepada semua Kerajaan Negeri mulai tahun 2009 sehingga 2018 adalah berjumlah RM12.55 bilion yang meliputi pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah, Bekalan Air, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Pelbagai.

Jumlah Pendahuluan kepada Kerajaan Negeri mulai tahun 2009 sehingga 2019 adalah sebanyak RM1.99 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan dan perundingan dengan pihak berkuasa negara Mesir untuk memudahkan bantuan antarabangsa kemanusiaan memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah, Mesir dalam usaha Malaysia membantu negara Palestin yang sedang dikepung oleh Rejim Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan mengambil maklum dan amat menghargai usaha-usaha pelbagai pihak dari Malaysia untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Gaza. Laluan darat utama untuk memasuki Gaza ialah melalui pintu sempadan Rafah, Mesir yang dikawal oleh Kerajaan Mesir. Ada beberapa proses yang perlu dilalui sebelum pemohon dibenarkan untuk meneruskan perjalanan mereka ke Gaza melalui sempadan Rafah.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pemohon perlu melengkapkan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan oleh

Kerajaan Mesir sebelum memulakan perjalanan. Semua permohonan adalah diproses melalui Kementerian Luar Negeri Mesir. Pihak Kementerian Luar Negeri Mesir kemudiannya akan menyelaraskan semua permohonan dengan pihak-pihak berkuasa yang terlibat sebelum memberikan kelulusan sama ada pemohon dibenarkan atau tidak dibenarkan untuk melalui sempadan Rafah. Hal ini adalah penting bagi tujuan menjaga keselamatan semua pihak yang terlibat.

4. Tempoh kelulusan permohonan adalah berbeza-beza berdasarkan situasi semasa di Gaza. Sehubungan dengan ini, pemohon adalah dinasihatkan terlebih dahulu untuk tidak membuat sebarang perancangan perjalanan ke Mesir sehinggalah mendapat maklum balas daripada pihak Kerajaan Mesir yang menyatakan permohonan untuk memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah diluluskan atau tidak diluluskan.

5. Tatacara ini tidak terhad kepada Malaysia sahaja, namun adalah terpakai bagi semua negara yang memohon untuk memasuki Gaza melalui pintu sempadan Rafah. Pintu sempadan Rafah adalah satu-satunya jalan darat untuk memasuki Gaza bagi negara-negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kita perlu menghormati tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Mesir dalam perkara ini kerana ia melibatkan isu keselamatan dan situasi semasa. Malaysia percaya undang-undang dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Mesir perlu di patuhi oleh semua pihak bagi memudahkan urusan dan menjamin keselamatan semua yang terlibat dalam usaha membantu rakyat Palestin di Gaza.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT
KAWASAN : JERAI
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN SABRI BIN AZIT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan memperbaiki jalan bengkok di hadapan PERWAJA jalan Gurun – Sungai Petani yang sudah kerap berlaku kemalangan jalan raya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya prihatin terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat Jerai terhadap isu berlakunya kekerapan kemalangan di Jalan Utama Alor Setar - Sg Petani (FT 01) khususnya di hadapan Perwaja, (Seksyen 813) Gurun, Kedah.

Berdasarkan semakan data kemalangan yang diterima daripada pihak Polis Di Raja Malaysia, lokasi ini masih lagi tidak tersenarai di dalam lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspots*). Namun begitu pihak Kementerian sentiasa memantau dari semasa ke semasa dan pihak JKR Daerah juga telah mengambil langkah proaktif untuk mengelakkan kejadian kemalangan di lokasi ini dengan menambah perabot jalan seperti papan tanda amaran & peringatan, tandaan jalan, dan meredakan trafik untuk memperlahankan halaju kenderaan.

Pada tahun ini, Kementerian telah melaksanakan penambahbaikan di dua (2) lokasi kerap berlaku kemalangan di laluan yang sama, iaitu di seksyen 801 dan seksyen 808, yang melibatkan kos rawatan keseluruhan sebanyak RM850 ribu. Kerja di kedua-dua lokasi ini dalam pembinaan dan dijangkan akan dapat disiapkan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bolehkah unit pasukan sukarelawan bomba wajib diadakan di setiap kampung atas air yang besar di Sabah dan Labuan memandangkan risiko kebakaran di perkampungan tersebut adalah tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Pasukan Bomba Sukarela telah ditubuhkan di seluruh negara melibatkan 391 pasukan dengan keanggotaan seramai 14,713 orang. Daripada jumlah itu, sebanyak 44 Pasukan Bomba Sukarela telah ditubuhkan di Sabah dengan keanggotaan seramai 1,421 orang dan 5 Pasukan Bomba Sukarela telah ditubuhkan di Labuan dengan keanggotaan seramai 108 orang.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya menasaskan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di perkampungan atas air yang dianggap mempunyai risiko tersendiri mengikut kriteria yang ditetapkan.

3. Kajian risiko ini sedang dibuat oleh JBPM bagi mengenal pasti perkampungan atas air yang sesuai untuk ditubuhkan Pasukan Bomba Sukarela. Terkini, KPKT merancang pembinaan 2 projek balai bomba kategori E yang dijangka bermula pada Ogos 2019 iaitu di kawasan penempatan Kampung Air di Semporna, Sabah dan penempatan Rumah Panjang Sungai Asap, Sarawak.

4. Balai Bomba Kategori E telah diperkenalkan pada tahun 2018 khusus untuk Pasukan Bomba Sukarela yang memenuhi kategori-kategori risiko berasaskan kriteria yang ditetapkan bergantung kepada keperluan, jarak balai bomba terdekat serta indeks risiko yang telah ditetapkan.

5. KPKT juga akan sentiasa memberikan perhatian kepada hasil kajian tersebut bagi memperluas penubuhan Pasukan Bomba Sukarela terutamanya di perkampungan atas air dalam usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kebombaanan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 65

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kenapakah sehingga kini bekalan elektrik masih belum dapat disalurkan ke sebelas (11) buah kampung di daerah Pitas yang terlibat dalam projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) seperti Kampung Pansuran, Kampung Malubang, Kampung Mangkubau Laut dan yang lain yang mana masalah ini telah lama tertangguh seolah-olah tiadanya usaha untuk mempercepatkan proses penyaluran bekalan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kampung-kampung tersebut adalah berstatus siap fizikal sepenuhnya, namun begitu sehingga kini masih lagi tidak dapat dibekalkan bekalan elektrik dan hanya boleh dibekalkan apabila pembinaan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) Simpang Bongkol dan PPU Pitas di bawah projek BELB Talian Grid Zon 3 Tahun 2016-2017 yang sedang dilaksanakan siap kerana punca bekalan adalah daripada PPU tersebut.

Projek ini merupakan projek Reka dan Bina yang mana segala urusan pelaksanaan projek adalah di bawah tanggungjawab kontraktor. Projek pembinaan PPU ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual kerana terlibat dengan isu kelewatan bayaran pampasan pengambilalihan tanah oleh pihak Kontraktor serta beberapa isu kelewatan lain. Walau bagaimanapun, bagi pencawang tersebut dan pakej ini dijangka akan siap sepenuhnya pada hujung bulan Ogos Tahun 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan duta-duta lantikan politik yang dilantik oleh Kerajaan terdahulu yang belum meletakkan jawatan. Senaraikan nama-nama duta tersebut dan tempat mereka berkhidmat. Apakah implikasinya sekiranya mereka tidak meletakkan jawatan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai lapan (8) orang Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia telah dilantik secara lantikan politik oleh Kerajaan terdahulu sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14. Walau bagaimanapun, kesemua lapan orang berkenaan tidak lagi berkhidmat sebagai Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara.

3. Daripada jumlah tersebut, dua (2) orang Ketua Perwakilan Malaysia iaitu Tan Sri Dr. Zulhasnan Rafique, mantan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat telah meletakkan jawatan pada 23 April 2018 manakala Dato' Sri Hasan Malek pula telah menamatkan perkhidmatan beliau sebagai Duta Besar Malaysia ke Kemboja pada 31 Mac 2018.

4. Susulan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan, seramai enam (6) orang Ketua Perwakilan Malaysia (Lantikan Politik) telah ditamatkan kontrak perkhidmatan pada 30 Jun 2018. Ketua Perwakilan Malaysia berkenaan ialah Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim (Duta Besar Malaysia ke Indonesia), Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Duta Besar Malaysia ke Vatican City), Datuk Ghulam Jelani Khanizam (Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam), Dato' Blanche Olbery (Duta Besar Malaysia ke Finland), Datuk Adeline Leong (Presiden Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia di Taipei) dan Dato' Siow Chen Pin (Konsul Jeneral Malaysia di Kunming).

5. Dalam hal ini, isu implikasi kewangan sekiranya mereka tidak meletakkan jawatan tidak timbul selepas keputusan penamatan perkhidmatan duta-duta lantikan politik ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun lepas.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 67

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan laporan kejayaan program pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah lama bagi penduduk di luar bandar dan jumlah rumah rakyat yang telah dibina di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha bagi memastikan akses kepada perumahan berkualiti di luar bandar dapat dinikmati oleh semua rakyat dan ia merupakan elemen penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan pembangunan modal insan yang baik.

Dalam konteks perumahan di luar bandar, Kementerian ini memberi fokus kepada program bantuan rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar sebagai salah satu mekanisme pembasmian kemiskinan luar bandar. Ia bagi memastikan kumpulan sasar ini dapat menikmati kediaman yang selamat dan selesa serta dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

Bagi tempoh mulai 2016 sehingga 2018 dalam Rancangan Malaysia ke 11, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM879.5j. Dengan peruntukan ini, sebanyak 5,703 bantuan bina baharu rumah dan 30,485 bantuan baik pulih rumah berjaya

NO. SOALAN : 67

dilaksanakan. Bantuan ini telah memberi manfaat kepada kira-kira 180 ribu ahli isi rumah seluruh negara.

Manakala bagi tahun 2019, sebanyak RM200j diperuntukkan dengan sasaran 1,224 bantuan bina baharu dan 7,354 bantuan baik pulih rumah. Jumlah peruntukan ini dianggarkan dapat dinikmati oleh 43 ribu penerima manfaat.

Skop bantuan rumah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hanya memberi fokus kepada kawasan luar bandar sahaja manakala bagi perumahan rakyat di kawasan bandar, ia adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mendapatkan input daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenai program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga Jun 2019, sebanyak 135 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang melibatkan 89,024 unit rumah PPR telah siap dibina di seluruh negara. Projek-projek PPR ini telah dibina bagi memenuhi keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) di kawasan bandar dan pinggir bandar di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA
BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status permohonan Dewan Serbaguna baru Kampung Gum-gum memandangkan dewan yang sedia ada itu pula kecil dan uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada melaksanakan projek berskala kecil di bawah peruntukan projek pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, setakat ini tiada permohonan daripada Majlis Perbandaran Sandakan berkaitan Dewan Serbaguna Baharu Kampung Gum-Gum yang diterima oleh KPKT. Sehubungan itu, PBT berkaitan boleh mengemukakan permohonan tersebut berserta maklumat lanjut mengenai kos dan spesifikasi untuk pertimbangan KPKT selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 69

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Klinik Komuniti, purata doktor bagi setiap klinik di seluruh negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan penyusunan semula perkhidmatan yang disediakan di Klinik Komuniti agar perkhidmatan yang diberikan berfokus kepada Rawatan Pesakit Luar, khususnya rawatan penyakit tidak berjangkit kronik (*Chronic NCD*) selain rawatan dan kecemasan asas. Perkhidmatan di Klinik Komuniti akan diterajui oleh Pegawai Perubatan yang akan ditempatkan secara berperingkat. Seajar dengan penempatan Pegawai Perubatan, Klinik Komuniti juga akan dilengkapi dengan Perkhidmatan Farmasi.

Pihak Kementerian juga sedang melaksanakan "*rightsizing*" terhadap jumlah Klinik Komuniti agar sumber yang terhad digunakan secara optima. Ini melibatkan pengurangan jumlah Klinik Komuniti daripada 347 buah sebelum ini kepada 282 buah dalam tempoh 2 tahun. Melalui langkah ini juga, 20 fasiliti akan dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan yang bakal menyediakan perkhidmatan yang lebih komprehensif meliputi rawatan pesakit luar serta perkhidmatan kesihatan ibu dan anak manakala baki 45 buah fasiliti akan ditutup.

Sehingga 1 Jun 2019, terdapat sejumlah 319 buah Klinik Komuniti yang masih beroperasi di seluruh Malaysia. Dari jumlah itu, 76 buah Klinik Komuniti telah mempunyai Pegawai Perubatan. Kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya akan terdapat seorang Pegawai Perubatan untuk 282 buah Klinik Komuniti yang akan terus beroperasi.

Kementerian juga merancang untuk menempatkan Pegawai Farmasi di 50 buah Klinik Komuniti terpilih pada tahun ini. Jumlah ini akan ditambah berdasarkan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 70

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan dan tindakan segera Kementerian untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Kota Samarahan memandangkan peningkatan jumlah pengguna.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan jenis 3 Kota Samarahan telah mula beroperasi sejak tahun 2001. Ia dikendalikan oleh dua (2) Pakar Kesihatan keluarga dan menyediakan perkhidmatan kepada penduduk Kota Samarahan seramai 94,300 orang.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Kota Samarahan bagi menampung peningkatan jumlah pesakit. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah menaiktaraf sistem ICT bagi perkhidmatan farmasi pada tahun 2017. Pada tahun 2019 pula, peruntukan telah diberi bagi menaiktaraf jabatan pesakit luar.

Selain daripada itu, pembinaan Klinik Kesihatan Sebuyau juga dijangkakan dapat mengurangkan kesesakan di Klinik Kesihatan Kota Samarahan memandangkan sebahagian pesakit dari Sebuyau mendapatkan perkhidmatan kesihatan di KK Kota Samarahan. Klinik Kesihatan Sebuyau ini dijangka akan siap sepenuhnya pada hujung tahun ini (2019).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian untuk mencapai standard antarabangsa dalam sektor pelancongan pengembaraan alam semula jadi di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) adalah merupakan Pengerusi bagi *Industrial Standards Committee: Tourism, Exhibition and Hospitality Services (ISC-T)* yang kini dikenali sebagai *National Standards Committee: Tourism, Exhibition and Hospitality Services (NSC-T)* di peringkat nasional dengan diurusetikan oleh Jabatan Standards Malaysia. Sehingga 1 Julai 2019, sebanyak 29 *International Organization for Standardization (ISO) Standards* telah diterima pakai di bawah *Technical Committee: Tourism and Related Services (TC-228)* dan sebanyak 13 ISO standard masih dalam fasa pembangunan di peringkat antarabangsa.

Berdasarkan 29 ISO standard yang telah diterbitkan, tiga (3) standard adalah melibatkan pengembaraan pelancongan (*adventure tourism*) yang turut merangkumi aspek-aspek alam semula jadi atau ekopelancongan. Butiran standard-standard tersebut adalah seperti berikut:

1. ISO 21101:2014
Adventure tourism - Safety management systems - Requirements;
2. ISO/TR 21102:2013
Adventure tourism - Leaders - Personnel competence; dan
3. ISO 21103:2014
Adventure tourism - Information for participants.

Oleh itu, MOTAC sentiasa menggalakkan dan menguar-uarkan ketiga-tiga ISO standard tersebut supaya diadaptasikan oleh para pengusaha/operator/penggiat industri yang terlibat secara langsung dalam bidang pengembaraan pelancongan di seluruh negara. Ini memandangkan, pemakaian ISO standard oleh pengusaha/operator/penggiat industri di bawah sektor pelancongan pada ketika ini adalah sebagai nilai tambah atau “*value added*” kepada produk dan perkhidmatan masing-masing.

MOTAC juga sentiasa komited dalam mempromosi destinasi pelancongan alam semula jadi atau ekopelancongan di seluruh negara dengan berpandukan kepada Pelan Eko Pelancongan Kebangsaan 2016-2025, di mana antara salah satu aktiviti di bawah strategi pemasaran ekopelancongan adalah berkaitan dengan penekanan ke atas aspek keselamatan dalam pengendalian aktiviti pengembaraan ekopelancongan melalui pensijilan ISO terutama dalam aspek latihan kakitangan dan pematuhan piawaian keselamatan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 72

TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan terdekat dan juga untuk jangka masapanjang daripada pihak Kementerian bagi menangani masalah kesesakan yang sering berlaku di Hospital Umum Saratok.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Saratok merupakan hospital tanpa pakar dengan jumlah katil sebanyak 104 buah. Kadar penggunaan katil (BOR) di hospital ini adalah 19.33% pada tahun 2017 dan 23.88% pada tahun 2018. Purata kedatangan pesakit di Jabatan Pesakit Luar adalah sekitar 300 ke 350 orang sehari dan purata kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan adalah sekitar 50 ke 60 pesakit sehari. Perkhidmatan ini diberikan oleh 7 orang pegawai perubatan yang ditempatkan secara tetap di Hospital Saratok.

Pada masa ini, perkhidmatan lawatan pakar dilakukan secara berkala dari Hospital Sarikei iaitu:

1. Ortopedik: sebulan sekali;
2. Pediatrik: 2 bulan sekali;
3. Perubatan am: 2 bulan sekali;
4. Pembedahan am: 2 bulan sekali;
5. Psikiatri: 2 bulan sekali; dan
6. Oftalmologi (klinik katarak): setahun sekali.

Bagi menambahbaik pelaksanaan perkhidmatan kesihatan, inisiatif Hospital Kluster Sarawak Barat telah dilaksanakan melibatkan gabungan Hospital Saratok, Hospital Betong dan Hospital Sri Aman sebagai Non Lead Hospital, manakala Hospital Sarikei akan menjadi Lead Hospital. Pembentukan kluster ini akan dapat membawa perkhidmatan kepakaran daripada Hospital Sarikei ke hospital dalam kluster dan seterusnya mengurangkan kesesakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah dan peratusan pelancong yang melawat dari negara Eropah, Amerika Utara dan Arab.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ketibaan pelancong ke Malaysia bagi suku pertama 2019 telah merekodkan peningkatan +2.7% iaitu seramai 6,696,230 orang pelancong. Manakala bagi ketibaan dari pasaran-pasaran Eropah, Amerika Utara dan Timur Tengah bagi tempoh Suku Pertama 2019 (Januari-Mac) adalah seperti berikut:

Jadual: Ketibaan Pelancong Eropah, Amerika Utara dan Timur Tengah Bagi Tempoh Januari-Mac 2019

BIL.	NEGARA	2019	2018	Pertumbuhan %
1	Eropah	327,994	336,460	-2.5
2	Amerika Utara	94,747	91,146	4.0
3	Timur Tengah	65,202	83,744	-22.1

Sumber: Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 74

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk :

(a) membina stesen hidroelektrik mini di Long Busang, Belaga ; dan

(b) membina stesen solar hibrid di Rumah Melintang, Sg. Gaat, Baleh, Kapit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Mini Hidro di Long Busang, Belaga, Sarawak merupakan projek baru yang diluluskan pada tahun ini. Projek ini sedang dalam proses pelantikan perunding dan dijangka akan ditender pada awal tahun depan.

Manakala bagi Rumah Melintang, Sg. Gaat, Baleh, Kapit, rumah ini telah disenaraikan di bawah pelaksanaan projek *Sarawak Alternative Rural Electrification Scheme* (SARES) Fasa 2 yang melibatkan. Projek ini dijangka akan dilaksanakan secara tender terbuka pada tahun 2020.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN
KAWASAN : PAPAR
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa kos pembuatan yang dapat dijimatkan apabila Rakan Pelaksana Projek (PDP) Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dimansuhkan dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada April lalu untuk memastikan kelancaran proses pembinaan lebuhraya tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan No 38 dan 75 dari YB Papar yang dijadualkan pada hari ini juga kerana menyentuh isu yang sama iaitu hala tuju Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Perancangan untuk memulakan pembinaan bagi baki 23 pakej kerja yang belum dibuat pelantikan kontraktor adalah tertakluk kepada keputusan muktamad dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Mei 2019 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah sebanyak 16.90%.

Berdasarkan perancangan asal, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dijangka siap sepenuhnya pada 31 Disember 2021. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah sedang meneliti semula jadual perancangan tersebut dengan mengambil kira kelewatan untuk menyelesaikan isu-isu setempat, terutama pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri Sabah. JKR Sabah dijangka akan membentangkan dalam masa terdekat berhubung jadual perancangan keseluruhan projek.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan pihak PDP bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016 telah menetapkan bahawa PDP layak

dibayar sebanyak 5.5% daripada kos pembinaan sebagai Yuran PDP. Yuran PDP tersebut antara lain bertujuan supaya PDP menyiapkan projek dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dengan kos yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan. Kegagalan pihak PDP untuk mematuhi kedua-dua elemen *Key Performance Index* (KPI) tersebut akan menyebabkan penalti ke atas Yuran PDP tersebut.

Memandangkan Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah tanpa melibatkan PDP, Kerajaan tidak perlu lagi untuk membuat bayaran melibatkan Yuran PDP. Namun, pelaksanaan projek di bawah pemantauan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah tidak akan melibatkan pengukuran dua elemen KPI di atas.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 76

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf semua hospital dan klinik kesihatan di negeri Pulau Pinang yang sudah mencapai kegunaan maksima sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang disampaikan adalah yang terbaik. Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak KKM telah pun membuat perancangan teliti bagi meningkatkan kualiti kemudahan fasiliti-fasiliti hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara termasuk negeri Pulau Pinang.

Antara faktor yang diambilkira dalam menentukan pembinaan baru fasiliti kesihatan dan kemudahannya untuk dinaiktaraf adalah berdasarkan keutamaan seperti berikut:

1. Tahap keselamatan yang mendesak;
2. Bangunan dan peralatan lama serta using;

3. Peningkatan beban penyakit yang memerlukan peningkatan kapasiti perkhidmatan dengan tambahan blok baru;
4. Peningkatan penduduk yang memerlukan sebuah fasiliti kesihatan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan yang sedia ada; dan
5. Naik taraf akibat pertambahan skop perkhidmatan fasiliti kesihatan.

Sehubungan itu, di dalam RMK-11, KKM melaksanakan beberapa projek pembinaan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan sedia ada untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di Pulau Pinang. Antaranya termasuk projek Naiktaraf Hospital Pulau Pinang (HPP) yang telah siap dibina pada 21 Mei 2019 dengan kos sebanyak RM15.43 juta serta projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya (HSJ) yang telah siap dibina pada 8 April 2019 dengan kos sebanyak RM15.27 juta.

Selain daripada itu, terdapat juga projek pembinaan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan di Pulau Pinang yang sedang dalam fasa pembinaan iaitu:

a) Projek Pembinaan Hospital Baru dan Naiktaraf Hospital Sedia Ada:

- i. Projek *Multi-Storey Block* (dengan izin), HSJ bernilai RM486 juta. (Jangkaan siap: 26 Jun 2020); dan
- ii. Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau bernilai RM22.54 juta. (Jangkaan siap: 9 April 2020)

b) Projek Pembinaan Baru Klinik Kesihatan:

- i. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandar Perda, Seberang Perai Tengah bernilai RM30 juta. (Jangkaan siap: 18 Feb 2021); dan

- ii. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Air Putih, Barat Daya P.Pinang bernilai RM 30 juta. (Jangkaan siap: 2021)

Terdapat juga empat (4) buah projek lagi yang telah diluluskan peruntukan dan sedang dalam perancangan iaitu:

- i. Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, HPP;
- ii. Blok Wanita dan Kanak-kanak HPP (329 Katil);
- iii. Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital HPP (300 Katil); dan
- iv. Kuarters HPP (202 Unit).

Selain itu, beberapa permohonan projek di bawah Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Ke-11 untuk membina fasiliti kesihatan baru dan menaiktaraf fasiliti kesihatan sedia ada di Pulau Pinang iaitu:

- i. Klinik Kesihatan Jenis 1 (Tanpa Kuarters) Butterworth, Seberang Perai Utara yang bernilai RM121 Juta;
- ii. Membina Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Bayan Lepas dan 16 Unit Kuarters, Pulau Pinang bernilai RM35 Juta;
- iii. Projek Menaiktaraf Bangunan Asrama Jururawat Kepada Kompleks Psikiatri, Hospital Bukit Mertajam bernilai RM55 Juta; dan
- iv. Klinik Kesihatan Jenis 3 (Tanpa Kuarters) Kubang Semang, Seberang Perai Tengah bernilai RM30 Juta.

Bagi perancangan jangka panjang, KKM akan terus memantau keadaan fasiliti kesihatan sedia ada dan akan membina fasiliti kesihatan yang baru atau menaiktaraf fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan negara. Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 78

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan penerangan skop kawasan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching, Negeri Sarawak. Kawasan kampung manakah yang terlibat dan berapa keluargakah yang akan bermanfaat daripada projek ini dan bilakah projek ini akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, skop cadangan kawasan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching, Negeri Sarawak adalah meliputi sebanyak 29 buah kampong di Parlimen Puncak Borneo yang merangkumi Dewan Undangan Negeri N16 Bengoh dan N17 Tarat. Manakala kos siling projek adalah sebanyak RM129 juta dan dijangka dapat memberi manfaat kepada 2,956 buah rumah.

Projek ini dalam peringkat lantikan juru perunding dan dijangka selesai pada suku keempat tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat dan bercadang untuk memajukan daerah Sabak Bernam sebagai hub agro-pelancongan yang memfokuskan kepada aktiviti dan hasil/produk pertanian serta perikanan untuk menarik pelancong domestik dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu misi utama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya adalah mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menawarkan berbagai pengalaman percutian di satu destinasi. Ini termasuklah segmen agro-pelancongan di mana Kementerian ini menjalin kerjasama baik dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memanfaatkan potensi agro-pelancongan di negara ini.

Kerajaan sedia menyedari potensi industri pertanian negara yang boleh dipromosikan sebagai produk pelancongan di dalam dan luar negara. Berdasarkan asas inilah, sebuah unit yang memberikan fokus khusus kepada promosi agro-pelancongan telah ditubuhkan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Daerah Sabak Bernam khususnya Sekinchan sedia mempunyai produk-produk pelancongan berpotensi yang mampu menarik kedatangan pelancong domestik mahupun luar negara seperti Muzium Padi Sekinchan, *Wishing Tree*, Pantai Redang dan *Ah Ma House*, kedai barangan antik yang turut mendemonstrasikan pembuatan kuih-kuih tradisi seperti kuih kapit dan kuih-kuih tradisi yang lain. Di samping itu, Sabak Bernam juga terkenal dengan Homestay Sungai Haji Dorani dan Homestay Sungai Nibong yang menawarkan pengalaman percutian agro-pelancongan melalui konsep "*farm-stay*". Pelbagai aktiviti berasaskan agro-pelancongan dijalankan di *homestay* ini bagi memberi peluang kepada para pelancong merasai sendiri pengalaman suasana kampung sebagai contoh aktiviti menggagau ikan, menanam dan menuai padi, bengkel membuat kerepek atau bahu dan sebagainya.

Tourism Malaysia (TM) turut bekerjasama dengan Tourism Selangor dalam membangunkan program latihan Hos Komuniti bermula daripada bulan Mac 2018 yang menggunakan pendekatan pengurusan penyampaian pelancongan asas komuniti dan warisan dengan penyertaan anak tempatan. Melalui program ini, pemandu-pemandu pelancong yang baru dilatih untuk menyampaikan maklumat berkaitan budaya, kehidupan, warisan, makanan dan tradisi setempat. Mereka juga turut didedahkan kepada produk-produk agro-pelancongan di daerah-daerah yang terpilih iaitu di Kuala Selangor, Klang termasuk Sabak Bernam.

Kesedaran potensi ini telah menjadikan asas untuk Kementerian ini meneruskan program kerjasama promosi dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pengusaha-pengusaha pelancongan di kawasan Sabak Bernam dalam promosi agro-pelancongan sebagai produk pelancongan negara. Di antara inisiatif ke arah ini adalah penganjuran Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-Tourism Show (MAHA) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang turut disokong oleh TM. Pameran yang dianjurkan dua (2) tahun sekali ini akan diadakan semula pada tahun 2020 dan akan turut melibatkan penyertaan antarabangsa. Lebih dari 3 juta pengunjung telah direkodkan hadir ke MAHA 2018 dan dijangka kehadiran akan lebih meningkat untuk penganjuran seterusnya. Sehubungan dengan itu,

platform ini akan turut digunakan oleh Kementerian ini untuk meningkatkan promosi daerah Sabak Bernam sebagai destinasi agro-pelancongan.

Pihak TM sememangnya mempunyai perancangan untuk meneruskan program kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mempromosikan produk-produk agro-pelancongan negara dengan kerjasama pengusaha-pengusaha tempatan termasuk dari daerah Sabak Bernam. Inisiatif-inisiatif ini adalah seperti penganjuran program seminar bagi universiti-universiti tempatan (segmen *edu-tourism / student market*), bengkel-bengkel pembangunan pakej dan penyertaan di pameran-pameran pelancongan tempatan sebagai contoh MATTA Fair. TM juga turut merancang untuk melibatkan para selebriti dan *influencer* terpilih di dalam aktiviti dan kempen-kempen promosi pelancongan termasuk yang melibatkan produk agro ini.

Selain itu, penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan negeri termasuk di Sabak Bernam kepada para pelancong akan dijalankan secara berterusan melalui Pejabat - Pejabat TM Wilayah dan 21 buah Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh Malaysia serta melalui laman sesawang dan laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik TM. Kementerian ini turut menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha pelancongan dari Sabak Bernam di semua platform promosi Tourism Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mereliasasikan potensi agro-pelancongan di kawasan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 80

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebenar kelebihan SST dari sudut ketelusan dan liputan (coverage) ke atas semua barang dan perhidmatan yang sepatutnya dikenakan cukai dan dibandingkan dengan sistem GST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah merupakan sistem cukai kepenggunaan seperingkat yang dilaksanakan pada 1 September 2018 bagi menggantikan GST. Pengenalan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebagai satu sistem yang tidak mempunyai kemudahan tuntutan bayaran balik dapat menyelesaikan isu berbangkit semasa pelaksanaan sistem GST iaitu masalah *refund*. Kegagalan membuat bayaran balik atau *refund* dalam tempoh waktu yang ditetapkan iaitu dua minggu telah menyebabkan aliran tunai peniaga terkesan dan mereka terpaksa menanggung kos perniagaan yang tinggi. Seterusnya kos tambahan yang ditanggung peniaga ini akan disalurkan dalam bentuk kenaikan harga barang kepada pengguna. Seperti yang diumumkan pada tahun lepas, tunggakan bayaran balik cukai GST sebanyak RM19.4 bilion telah melibatkan 121,429 registran GST setakat 31 Mei 2018.

Dengan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan, Kerajaan tidak perlu lagi menguruskan *refund*. Peniaga juga tidak perlu terbeban dengan urusan pentadbiran untuk memohon *refund*. Walaupun tiada kemudahan bayaran balik seperti GST, pengilang berdaftar di bawah cukai jualan layak menggunakan kemudahan pengecualian cukai di mana melalui kemudahan ini mereka tidak perlu membayar cukai di peringkat *upfront*. Ini akan secara langsung mengurangkan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh peniaga. Bagi cukai perkhidmatan pula, terdapat pengecualian diberikan ke atas pemberian perkhidmatan profesional yang sama di antara orang berdaftar dalam Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan juga kemudahan *group relief*.

Skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang lebih kecil berbanding GST juga telah membantu memastikan tidak berlaku kenaikan harga barang apabila perubahan sistem percukaian tersebut berlaku.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
KAWASAN : TEBRAU
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jadual yang menunjukkan jalan-jalan diseluruh negara yang di bawah penyelenggaraan JKR dan manakah yang dalam status kritikal tetapi masih belum bermula proses penawaran kontrak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk menyelenggara jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2019, jumlah panjang jalan yang diselenggara adalah sebanyak 17,830.33 km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi membaikpulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan. Pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM250 juta untuk kerja-kerja penyenggaraan turapan** yang kini sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melaksanakan program penyenggaraan jalan di Jalan Persekutuan terutamanya penyenggaraan turapan serta memastikan dari semasa ke semasa semua Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
[TAMBUN]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 82

Y.B.TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengatasi kekurangan peruntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyiapkan projek-projek yang tertanggung daripada Kerajaan yang terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan projek-projek yang merupakan komitmen Kerajaan tanpa mengambil kira ianya adalah projek-projek Kerajaan terdahulu. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang tertangguh pelaksanaannya (belum dimulakan) terutamanya projek-projek besar, Kerajaan perlu meneliti semula keperluan pelaksanaan projek berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan, terutamanya dalam konteks Kerajaan baharu mewarisi kedudukan hutang dan liabiliti yang mencecah RM1 trillion daripada Kerajaan terdahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, Kerajaan tidak membatalkan atau menangguhkan sebarang projek pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat secara langsung. Bagi tempoh *Rolling Plan* Keempat, 2019 sebanyak 4,820 buah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM54.7 bilion. Projek-projek ini adalah projek yang meliputi pelbagai sektor dalam bidang pengangkutan dan infrastruktur, bekalan air/ elektrik luar bandar, pendidikan, keselamatan, sosial serta penyelidikan dan pembangunan.

Tambahan pula, 121 buah projek infrastruktur ini yang bernilai RM13,932 juta di seluruh negara yang ditawarkan secara rundingan terus dan tender terhad akan diteruskan selepas rundingan semula harga oleh Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan. Perlu ditegaskan bahawa 121 buah projek infrastruktur tersebut tidak termasuk projek mega seperti projek LRT3 dengan kos sebanyak RM31.65 bilion dan MRT2, dengan kos sebanyak RM39.35 bilion, yang masing-masing dikurangkan harga kepada RM16.63 bilion, dan RM30.53 bilion. Ini telah secara sekaligus menjimatkan kos keseluruhan sebanyak RM23.84 bilion untuk kedua-dua projek ini.

Butiran	Jumlah Asal (RM)	Nilai Baru (RM)	Pengurangan (RM)
121 Projek Infrastruktur Kerajaan	13.93 bilion	13.12 bilion	0.81 bilion
Projek LRT3	31.65 bilion	16.63 bilion	15.02 bilion
Projek MRT2	39.35 bilion	30.53 bilion	8.82 bilion
Jumlah Keseluruhan	84.93 bilion	60.28 bilion	24.65 bilion

Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada pelaksanaan projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat dan berimpak tinggi termasuk membina dan menaik taraf jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan dan sekolah. Selain itu, projek-projek sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini akan diteruskan pelaksanaannya dalam usaha untuk memacu ekonomi dan kestabilan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU
[TAMBUN]**

TARIKH : 8 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula peraturan-peraturan/garis panduan melibatkan pemandu pelancong yang telah lapuk dan tidak selari dengan perkembangan pesat ekonomi digital yang sekaligus membantutkan pertumbuhan sektor pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau MOTAC sedang mengkaji semula keperluan pindaan Akta Industri Pelancongan 1992 atau Akta 482 bagi memastikan semua peraturan berkaitan pelesenan dan pengawalseliaan pengendali pelancongan, agensi pengembaraan, institut latihan pelancongan serta pemandu pelancong adalah selari dengan perkembangan semasa industri pelancongan.

Selaras dengan Teras 4 iaitu Meningkatkan Pengalaman dan Kepuasan Pelancong yang digariskan dalam Dasar Pelancongan Negara 2020-2030, MOTAC sentiasa memandang serius kualiti dan hospitaliti para pemandu pelancong yang merupakan barisan hadapan bagi industri pelancongan negara. Sehubungan itu, bagi memastikan standard perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti, beberapa langkah telah diambil iaitu:

1. Menambahbaik silibus pembelajaran pemandu pelancong dengan elemen-elemen pelancongan yang terkini seperti *responsible tourism* dan *sustainable tourism*;
2. Menambahbaik format soalan peperiksaan esei serta praktikal agar selari dengan format penilaian terkini; dan
3. Mensyaratkan kehadiran ke kursus-kursus *Continuous Tourism Related Education* (CTRE) sebagai syarat pembaharuan lesen pemandu pelancong tambahan sebanyak 3 kali setahun. Kursus-kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan membantu meningkatkan kemahiran pemandu pelancong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 84

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan tentang pelaksanaan program Rumah Mesra Rakyat yang menjadi keperluan anak muda atau masyarakat di kawasan luar bandar dan berapa unitkah yang telah dilaksanakan mengikut kawasan Parlimen di Sarawak sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dalam menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif) tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa. Pelaksanaan program RMR ini sebahagiannya dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan iaitu sebanyak RM20,000 seunit berkonsepkan rumah sesebuah berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi subsidi sebanyak 2% kadar

keuntungan bank (bank interest) bagi pinjaman perumahan yang diluluskan kepada setiap pemohon RMR yang layak iaitu daripada 6% kepada 4%.

2. Bermula dari tahun 2002 hingga 31 Mei 2019, SPNB telah berjaya menyiapkan **45,961** unit RMR di seluruh Malaysia. Manakala **2,981** unit RMR sedang dalam pembinaan dan sebanyak **1,389** permohonan sedang dalam proses menandatangani dokumen perjanjian dengan menggunakan subsidi yang telah disalurkan serta pembiayaan daripada institusi kewangan.

3. Bermula dari tahun 2002 hingga Mei 2019 bagi negeri Sarawak, sebanyak **1,941** permohonan telah diluluskan. Daripada jumlah itu, sebanyak **1,377** unit rumah RMR telah disiapkan, manakala **563** unit dalam pembinaan dan **1** pemohon sedang di dalam proses menandatangani perjanjian.

4. Status pelaksanaan Program RMR mengikut kawasan Parlimen di negeri Sarawak bagi tempoh Mei 2018 hingga Mei 2019 adalah seperti jadual di bawah:

PARLIMEN	SIAP (unit)	DALAM PEMBINAAN (unit)
BATANG SADONG	4	7
BATANG LUPAR	0	0
BETONG	2	2
BINTULU	15	17
KANOWIT	0	0
K. SAMARAHAN	14	14
KUALA RAJANG	0	0
KUCHING	0	0
KAPIT	4	4
LANANG	0	0
LAWAS	2	2
LIMBANG	10	11
LUBOK ANTU	0	0

PUNCAK BORNEO	7	8
MAS GADING	13	13
MIRI	4	5
MUKAH	0	0
PETRAJAYA	16	18
SANTUBONG	14	16
SARATOK	0	0
SIBU	0	7
SIBUTI	15	20
SERIAN	0	0
SRI AMAN	0	0
STAMPIN	1	1
BARAM	0	0
TANJONG MANIS	2	4
SARIKEI	4	4
IGAN	0	0
JULAU	0	0
SELANGAU	0	0
JUMLAH	127	153
	280	

5. Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya Program RMR masih diteruskan namun ia tertakluk kepada peruntukan dan kelulusan bajet tahunan yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
KAWASAN : REMBAU
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN :

YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan semasa proses nasionalisasi konsesi tol dan pengenalan caj kesesakan seperti yang pernah diumumkan Kerajaan sebelum ini dan bilakah jangkaan perkara ini dapat dimuktamadkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dalam proses menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuhraya Bertol di Malaysia untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang dijangkakan pada pertengahan Julai 2019. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini. Ini termasuklah pengambilalihan lebuhraya-lebuhraya bertol serta mekanisme pengurangan kadar tol yang mana lebih wajar dilaksanakan oleh Kerajaan. Sebarang keputusan memerlukan pertimbangan teliti kerana sudah pasti ianya akan memberi kesan komitmen kewangan jangka panjang Kerajaan.

Berhubung dengan caj kesesakan, Kerajaan secara prinsipnya akan memberikan diskaun sehingga 30% pada waktu luar puncak dan kadar percuma pada waktu bukan puncak. Di samping itu, bagi tidak membebankan rakyat, Kerajaan akan mengekalkan caj kesesakan maksimum pada waktu puncak berdasarkan pada kadar tol sedia ada. Selain itu, Kerajaan juga akan mengkaji struktur caj kesesakan secara terperinci sebelum ianya dilaksanakan bagi memastikan ianya tidak memberikan impak negatif kepada aliran trafik lebuhraya berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 86

Y.B. PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah wang royalti minyak negeri Kelantan masih belum dibayar dan bilakah ianya dijangka akan dilangsaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada mana-mana negeri termasuk negeri Kelantan oleh kerana kesemua lokasi medan petroleum berada melebihi tiga batu nautika di luar perairan negeri-negeri.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan membuat bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri Kelantan bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri tersebut memandangkan lokasi medan petroleum berdekatan dengan perairan negeri.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG
KAWASAN : LABIS
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN :

YB TUAN PANG HOK LIONG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah rancangan pihak Kementerian untuk meningkat had laju di Lebuhraya Utara Selatan dari 110 ksj ke 130 ksj.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kriteria penetapan had kelajuan kenderaan di jalan raya dan lebuh raya negara ini ditentukan oleh faktor-faktor seperti reka bentuk geometri jalan, kepadatan aliran trafik dan tahap risiko kemalangan. Faktor-faktor ini perlu diambil kira bagi memastikan reka bentuk sesuatu jalan raya atau lebuh raya itu memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Di samping itu, aspek keselamatan juga merupakan antara faktor utama dalam menentukan had kelajuan di sesuatu lokasi, seperti di kawasan berkepadatan tinggi, kawasan menghampiri plaza tol, susur keluar masuk, laluan mendaki, kawasan angin lintang dan sebagainya. Oleh itu untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan, had laju di kawasan-kawasan itu perlu dikurangkan berbanding had kelajuan kebangsaan untuk lebuh raya 110 kilometer/jam untuk lebuh raya antara bandar, dan 90 kilometer/jam untuk lebuh raya dalam bandar), dan Jalan Persekutuan (90 kilometer/jam).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar had kelajuan yang diwartakan di jalan raya dan lebuh raya negara ini bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan pengguna secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) masa ke semasa dan bersedia untuk mengkaji semula had kelajuan yang diwartakan tertakluk kepada nasihat agensi-agensi berkenaan dan kelulusan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
KAWASAN : BATU KAWAN
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa jumlah kes kemalangan maut yang melibatkan atau disebabkan lori dan bas berbanding dengan kereta dan motosikal di Lebuhraya Utara Selatan serta Lebuhraya Pantai Timur dari tahun 2008 sehingga 2019 serta apakah KPI untuk mengalihkan kenderaan daripada mana-mana lokasi kejadian untuk menyelaraskan perjalanan kenderaan lain dan apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kemalangan maut melibatkan lori dan bas berbanding kereta dan motosikal di Lebuhraya Utara – Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dan 2 adalah seperti berikut:

1) Lebuhraya Utara – Selatan

TAHUN	KES KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN LORI & BAS	KES KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN KERETA & MOTOSIKAL	JUMLAH KEMALANGAN
2013	126	193	319
2014	123	189	312
2015	126	226	352
2016	137	233	370
2017	135	224	359
2018	117	208	325
2019 (Jan-Mei)	57	94	151
JUMLAH	821	1,367	2,188

2) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1

TAHUN	KES KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN LORI & BAS	KES KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN KERETA & MOTOSIKAL	JUMLAH KEMALANGAN
2008	1	10	11
2009	4	14	18
2010	4	9	13
2011	6	14	20
2012	3	23	26
2013	2	12	14
2014	3	12	15
2015	2	35	37
2016	1	26	27
2017	2	14	16
2018	6	11	17
2019 (Jan-Mei)	1	4	5
JUMLAH	25	184	209

3) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2

TAHUN	KES KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN LORI & BAS	KES KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN KERETA & MOTOSIKAL	JUMLAH KEMALANGAN
2016 (15 Julai – Dis)	1	8	9
2017	1	21	22
2018	3	11	14
2019 (Jan-Mei)	0	4	4
JUMLAH	5	44	49

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Konsesi lebuhraya mempunyai SOP di dalam menangani kemalangan yang berlaku di lebuhraya dan ianya adalah berdasarkan Emergency Respons Plan (ERP). Secara amnya tempoh maklum balas (*response time*) bagi pihak peronda untuk sampai ke lokasi atau tempat kejadian setelah menerima maklumat adalah 15 minit sebagaimana di dalam garis panduan Garis Panduan dan Petunjuk Prestasi Perkhidmatan Ronda. Ini adalah bertujuan bagi bantuan awal masa kemalangan dan juga mengawal keadaan trafik agar kemalangan susulan tidak berlaku. Selain itu, pihak pusat kawalan trafik syarikat konsesi juga akan menghubungi Agensi kecemasan seperti pihak polis, ambulans serta bomba bergantung kepada tahap keseriusan kemalangan yang berlaku.

Selanjutnya, masa yang diambil untuk trafik kembali normal selepas kemalangan, ianya adalah bergantung kepada jumlah trafik semasa dan tahap keseriusan kemalangan. Sekiranya hanya melibatkan kecederaan ringan dan tahap kerosakan kenderaan yang minima, masa untuk aliran trafik kembali normal kebiasaanya cepat iaitu kebiasaanya kurang daripada 30 minit. Namun demikian, masa yang lebih diperlukan bagi kemalangan yang melibatkan maut dimana memerlukan kehadiran Pegawai Penyiasat PDRM, kenderaan berat terbalik sehingga menutup lorong atau kemalangan yang melibatkan tumpahan barangan. Selain itu, kesedaran kepada pengguna akan diberikan dari masa ke semasa bagi memaklumkan mengenai kepentingan lorong kecemasan serta supaya kenderaan tidak diletakkan di lorong berkenaan agar bantuan segera dapat diberikan sekiranya terdapat kejadian kemalangan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memastikan lebuhraya selamat dan selasa untuk pengguna lebuhraya menggunakannya. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak LLM dan PLUS di dalam mengurangkan kemalangan yang berlaku adalah seperti berikut:

1) Kolaborasi dan operasi bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan secara berterusan seperti PDRM dan JPJ. Kolaborasi ini memberi pengkhususan terhadap kenderaan berat untuk menangani isu penggunaan tayar celup yang tidak berkualiti serta membawa muatan secara berlebihan. Selain daripada itu, PLUS juga telah menyediakan Stesen-Stesen JPJ dan R&R Dengkil (Arah Selatan) serta R&R Gunung Semanggol (Arah Selatan). PLUS juga sedang merancang untuk membuka sebuah lagi Stesen JPJ di R&R Pagoh dan mewujudkan Pasukan Penguatkuasa JPJ di bekas tapak Plaza Tol Jelapang bagi memudahkan pihak JPJ melaksanakan pelbagai intervensi, penguatkuasaan dan advokasi keselamatan di lebuhraya.

2) Mengadakan langkah-langkah intervensi di lokasi-lokasi (black spots) seperti memasang lampu-lampu LED, meletakkan turapan porous asphalt, memasang lampu berkelip (flashing amber lights), menambah pelekat pemantulan cahaya, papantanda keselamatan, memprofil semula jalan dan lain-lain. Langkah-langkah ini juga telah menyaksikan penurunan jumlah lokasi titik hitam di Lebuhraya Utara-Selatan daripada 8 lokasi pada tahun 2017 kepada 4 lokasi pada tahun 2018

3) Menambahbaik lokasi-lokasi kritikal sebagai contoh, di Terowong Menora dengan memasang lebih banyak lampu LED, meletakkan jalur gegar (Rumble Strips) dan sebagainya.

4) Melaksanakan Kempen Keselamatan Jalanraya kepada semua peringkat umur yang meliputi pelajar sekolah, universiti, penduduk tempatan, pemandu lori, penunggang motosikal dan sebagainya.

5) Pihak PLUS bercadang akan menanggung kos pemasangan 11 buah kamera AWAS yang baru di lebuh raya kendaliannya untuk mengelakkan pemandu memandu melebihi had laju dan mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh hilang kawalan akibat kelajuan. Penguatkuasaan kamera AWAS ini akan dikendalikan oleh pihak JPJ.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 89

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat ini berapakah pendapatan Kerajaan daripada import plastik dan berapakah kerugian akibat pencemaran dan kilang haram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak memperoleh sebarang hasil pendapatan secara khusus daripada pemberian lesen import (*approved permit* - AP) skrap plastik kepada syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengimport sisa plastik di bawah HS Code 39.15 ke Malaysia kerana AP yang dikeluarkan adalah percuma. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga tidak mengenakan sebarang fi atau *bank guarantee* kepada syarikat-syarikat tersebut.
2. Walau bagaimanapun, melalui pewartaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Sisa Pepejal Import) (Plastik) 2019 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan

Perkhidmatan Pengimportan Bagi Sisa Pepejal Import) 2019 kelak, pengimport akan dikenakan fi lesen bagi setiap AP yang diluluskan dan fi verifikasi bagi setiap tan skrap plastik yang diimport. Pengenaan fi ini bertujuan untuk memastikan aktiviti pengimportan dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian dengan mengambil kira kos-kos yang perlu ditanggung oleh pihak Kementerian dari sudut pentadbiran, pemantauan serta kos pembersihan jika berlaku pembuangan sisa haram hasil daripada aktiviti pemprosesan sisa plastik tersebut. Selain itu, Kerajaan turut memperoleh pendapatan melalui pelaburan yang dibuat oleh pemegang AP bagi membawa masuk skrap plastik, pembayaran duti import dan eksport serta fi-fi yang berkaitan bagi operasi kilang memproses sisa plastik.

3. KPKT juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan ke atas operasi bagi premis yang memproses sisa plastik import yang dimiliki oleh pemegang AP. Walau bagaimanapun, aspek kawalan dan pemantauan daripada operasi kilang haram sehingga mengakibatkan pencemaran alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (JAS, MESTECC).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan Malaysia berkenaan isu import sisa plastik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan isu pengimportan skrap plastik HS Code 39.15 adalah sangat jelas iaitu pengimport perlu memiliki Lesen Import (*approved permit* - AP) skrap plastik terlebih dahulu sebelum membawa masuk skrap tersebut ke Malaysia. Tiada kelulusan AP diberikan kepada kontena yang telah tiba di pelabuhan tanpa kelulusan permit import atau *no AP on arrival*. Berkuatkuasa pada 26 Oktober 2018, AP skrap plastik hanya diluluskan oleh Kementerian setelah pengimport mematuhi kesemua 18 syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut :

- (i) Mengemukakan gambar sebenar yang jelas dan kategori sisa plastik import;

NO SOALAN : 90

- (ii) Mengemukakan surat pengesyoran operasi kilang daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang masih dalam tempoh sah laku;
- (iii) Mengemukakan surat kelulusan pengeksport dengan sijil ISO 14000;
- (iv) Mengemukakan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
- (v) Mengemukakan invois yang dicap dan di tandatangan oleh pengeksport;
- (vi) Mengamalkan *good housekeeping* di kilang;
- (vii) Mempunyai ruang simpanan yang sesuai seperti berbumbung dan lantai konkrit di kilang;
- (viii) Mengemukakan surat kelulusan memasang dan mengoperasi jentera daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP);
- (ix) Pengesahan kapasiti sebenar mesin pemprosesan oleh SIRIM;
- (x) Menyatakan maklumat lokasi pelupusan sisa yang dijana dari kilang pengimport;
- (xi) Mengemukakan senarai pembeli produk akhir;
- (xii) Mengemukakan semua senarai kilang di bawah milik syarikat;
- (xiii) Penetapan *ratio* sisa plastik yang mengehendkan 70% sumber import;

- (xiv) Mengehadkan pengimportan hanya kepada sisa plastik daripada premis perindustrian/*selected segregated post-consumer waste*;
- (xv) Sekatan pengimportan sisa plastik dari negara membangun;
- (xvi) Menetapkan lokasi yang bersesuaian (*zoning*) bagi premis pemprosesan sisa kitar semula;
- (xvii) Memperkenalkan bayaran levi kepada pengimport; dan
- (xviii) Memperkenalkan Jaminan Bank (*bank guarantee*) kepada pengimport.

2. Daripada 18 syarat-syarat tersebut, 7 daripadanya merupakan syarat-syarat sedia ada dan sebanyak 11 syarat-syarat baharu telah diperkenalkan bagi memastikan kemasukan skrap plastik import dapat dikawal secara lebih sistematik.

3. Selain itu, KPKT sedang menyediakan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Sisa Pepejal Import) (Plastik) dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengimportan bagi Sisa Pepejal Import) bagi mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti pengimportan sisa pepejal khususnya bagi skrap plastik. Peraturan ini sedang dalam peringkat pemurnian dan pemuktamadan oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 91

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap ancaman kesihatan penggunaan bahan dari daun ketum di Malaysia dan apakah kaedah-kaedah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Alkaloid *mitragynine* yang didapati di dalam daun kratom (ketum) telah disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 [Akta 366] semenjak tahun 2003 dan terdapat kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989.

Dari kajian yang telah dijalankan, daun ketum mengandungi mitragynine yang merupakan kompaun aktif bersifat psikoaktif. Mitragynine menyumbang kepada ancaman kesihatan pengguna daun ketum. Kajian pemerhatian ke atas penggunaan air daun ketum oleh manusia menunjukkan penggunaan tempoh lama akan menyebabkan ketagihan terutama bila disalahgunakan bersama dengan dadah haram yang lain. Apabila berhenti, para pengguna mengalami tanda-tanda pengunduran atau gian (withdrawal symptom) seperti kesakitan otot,

tidak boleh tidur (insomnia), keletihan melampau dan sakit dada. Didapati juga bayi yang dilahirkan oleh ibu yang mengambil ketum untuk jangkamasa yang panjang telah menunjukkan tanda-tanda pengunduran kepada bayi.

Kesan-kesan sampingan juga diperhatikan dalam penyelidikan haiwan makmal tikus yang menunjukkan penggunaan dos sekali yang tinggi boleh menyebabkan kerosakan hati dan buah pinggang. Kesan jangka panjang pada haiwan makmal pula menunjukkan penurunan berat badan, kemerosotan tingkah laku dan kerosakan organ dalaman serta kegagalan pembentukan tulang belakang pada janin tikus.

Pada masa ini, Akta 366 memperuntukkan kawalan ke atas *mitragynine*, namun ia tidak merangkumi kawalan ke atas penanaman pokok ketum. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses meminda Akta 366 bagi merangkumi kawalan ke atas tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Pindaan ini akan memperuntukkan larangan ke atas aktiviti perladangan, penanaman, pengimportan, pengeksportan, pembekalan, penjualan dan pemilikan tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum.

Peruntukan hukuman yang lebih deteren bagi kesalahan-kesalahan berkaitan ketum juga dicadangkan dalam pindaan ini. Cadangan kawalan ini adalah untuk membendung masalah penggunaan ketum yang mempunyai banyak kesan negatif kepada masyarakat dan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 92

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan tindakan untuk menghentikan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh penjaja warga asing sekaligus memberi peluang kepada warga tempatan untuk terlibat dalam bidang perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Antara perkara yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- (i) Permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan sertamerta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

2. KPKT melalui PBT juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terhadap warga asing yang menjalankan perniagaan kecil. Sehingga kini, sebanyak 599 operasi penguatkuasaan oleh PBT ke atas warga asing telah dijalankan manakala operasi penguatkuasaan bersepadu melibatkan pelbagai agensi lain adalah sebanyak 492 operasi.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT boleh, dengan undang-undang kecil, kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan. Bagi sesuatu kesalahan yang berterusan PBT boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi RM200.00 bagi setiap 1 hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 93

Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa penjawatan Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kastam di Zon Bebas Cukai Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Zon Bebas Tasik Kenyir telah diwartakan pada 1 Februari 2017. Pada masa ini, terdapat 16 perjawatan tetap pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Daripada jumlah tersebut sebanyak 13 perjawatan telah diisi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR**
[JERLUN]
TARIKH : **08 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 94

Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah membangunkan projek Kedah Rubber City (KRC) di Bukit Ketapang dalam daerah Padang Terap. Adakah Kementerian Industri Utama telah merangka pelan tindakan untuk mendorong dan menyokong pertumbuhan kegiatan huluan dan hiliran sektor getah bagi menjamin kejayaan projek KRC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membantu Kerajaan Negeri Kedah membangunkan projek KRC, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan di dalam RMKe-11 bagi tujuan pengambilan tanah, lantikan perunding untuk penyediaan pelan induk dan rekabentuk terperinci infrastruktur asas serta kerja-kerja pembangunan infrastruktur KRC. Pembangunan Fasa 1 dijangka siap pada tahun 2021 dan keseluruhan pembangunan KRC dijangka akan siap pada tahun 2025. KRC dijangka akan mewujudkan lebih kurang 15,000 peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar negeri Kedah. Selain penyaluran dana yang diperlukan, pihak Kementerian Kewangan juga telah meluluskan Insentif Cukai Khas atau Pakej Insentif Khas Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) untuk KRC yang berkuat kuasa pada Januari 2015. Insentif ini bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat di peringkat industri pertengahan (*midstream*) dan industri hiliran (*downstream*) yang berasaskan getah.

Kementerian Kewangan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) selaku pelaksana projek KRC sedang berbincang bersama pihak Lembaga Getah Malaysia dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi mengenal pasti kawasan serta pekebun-pekebun kecil yang akan terlibat dalam program perintis pengeluaran lateks di negeri Kedah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING
[LANANG]
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 95

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan formula untuk mengira harga petrol RON95, RON97 dan diesel dan berapakah jumlah subsidi yang telah diberikan sejak Jun 2018 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit produk petroleum di Malaysia ditetapkan secara mingguan melalui kaedah apungan terkawal (*managed float*) dengan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Di bawah formula APM, kos produk petroleum yang telah diproses (*refined petroleum product*) mengikut harga sebenar pasaran dunia dan kadar tukaran wang asing berbanding Ringgit Malaysia merupakan dua komponen utama yang akan menentukan harga runcit produk petroleum setiap minggu. Dalam menentukan harga runcit secara mingguan, rujukan harga pada minggu sebelumnya akan menentukan harga bagi minggu berikutnya.

Sungguhpun begitu, Kerajaan telah membuat keputusan pada 27 Februari 2019 untuk mengekalkan harga runcit produk petrol RON95 dan diesel masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter. Langkah ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Manakala bagi produk petrol RON97, harga runcit diapungkan berdasarkan penetapan harga secara mingguan mengikut *trend* harga minyak mentah dunia memandangkan produk RON97 merupakan produk premium yang tidak diberikan subsidi.

Jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan mulai tempoh Jun 2018 sehingga Mei 2019 masing-masing adalah sebanyak RM3.315 bilion bagi produk petrol RON95 dan RM2.304 bilion bagi produk diesel. Bagi bulan Jun 2019, jumlah tanggungan subsidi Kerajaan ke atas kedua-dua produk tersebut hanya akan dapat ditentukan pada penghujung bulan Julai 2019 iaitu selepas syarikat minyak mengemukakan tuntutan subsidi bulan Jun 2019 berdasarkan jualan sebenar produk petroleum bagi bulan berkenaan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KELVIN YII LEE WUEN
KAWASAN : BANDAR KUCHING
TARIKH : 08 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN :

YB DR. KELVIN YII LEE WUEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelan Kerajaan untuk menukar Project Delivery Partner (PDP) kepada "turnkey contractor" untuk Pan Borneo Highway di Sarawak dan juga apakah kelebihan yang akan ada dengan penukaran tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo sedang diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penelitian semula bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sedang dijalankan dengan mengambil kira kaedah alternatif terbaik yang tidak menjejaskan kelangsungan dan aspek keselamatan projek yang dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Dengan mengambil contoh projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, perubahan kaedah pelaksanaan daripada model Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner – PDP*) kepada kaedah konvensional dijangka bakal memberi penjimatan kepada Kerajaan khususnya tiada pembayaran yuran dan kos operasi PDP.

Sekian, terima kasih.